MONOGRAF 2018

RANGKA KERJA

PELAKSANAAN AGENDA PERBANDARAN BAHARU NEGERI MELAKA

PLANMalaysia @ Melaka

Perancangan Melangkaui Kelaziman | *Planning : Beyond Conventional*

MONOGRAF

“ AGENDA PERBANDARAN BAHARU “

PLANMalaysia@Melaka

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning Beyond Conventional

SIDANG REDAKSI

Penasihat :

- Mohd Faidzal bin Hamzah

Editor :

- Pn. Fitri binti Hj Abd Rahman
- En. Jabu Anak Dugu

Pengarang :

- En. Mohd Fahrurazi bin Ahmad Suleiman
- Pn. Syafini Muhamad Yasin

Grafik & Fotografi :

- Pn. Nur Sharina Hamdan
- Pn. Norhapiza Abu Kassim
- Cik Norfaiza Talip
- Pn. Norliza Osman
- En. Muhammad Hazam bin Dusuki
- Pn. Siti Rahmah Yaakob

http://www.jpbdmelaka.gov.my

Tahun Terbitan : 2018

Isi Kandungan

Perutusan YAB Ketua Menteri Melaka 4

Sekapur Sirih YB Datuk SUK 5

Prakata Pengarah 6

Pengenalan

- Maklumat Ringkas Negeri Melaka 9
- Pemahaman Agenda Perbandaran Baharu (NUA) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 11

1.0 Agenda Perbandaran Baru

1.1 Apa itu Agenda Perbandaran Baharu (NUA) 14
1.2 Kandungan Agenda Perbandaran Baharu 15
1.3 Komponen Utama NUA 16
1.4 Kaedah Pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu 18
1.5 Contoh Pelaksaan Agenda Perbandaran Baharu di Negara Lain 20

2.0 Isu dan Masalah Perbandaran

2.1 Penyediaan Kemudahan Awam Kurang Berkesan 23
2.2 Persekitaran Kurang Sihat 25
2.3 Kurang Kecekapan Pengangkutan Awam 26
2.4 Kesesakan Lalulintas 27
2.5 Kes Penyakit Berjangkit 28
2.6 Kawasan Kepadatan Tinggi 30
2.7 Kekurangan Rumah Mampu Milik 32
2.8 Kadar Pengangguran Tinggi 36
2.9 Banjir Kilat 37
2.10 Kes Jenayah Tinggi 39

3.0 Dasar Perbandaran Negara

3.1 Komitmen Negara dalam Agenda Perbandaran Baharu 41
3.2 Penglibatan Malaysia 2016 43
3.3 Senario Perancangan - Dasar dan Strategi 45
3.4 Rancangan Fizikal Negara 3 (RFN3) 47
3.5 Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2) 48
3.6 Laporan Profil Bandar 51

4.0 Perundangan dan Peraturan Perbandaran

4.1 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) 55
4.2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) 56

5.0 Rekabentuk dan Perancangan Perbandaran

5.1 Rancangan Pembangunan
5.1.1 Rancangan Struktur Negeri 59
5.1.2 Rancangan Tempatan Daerah 60
5.1.3 Rancangan Kawasan Khas 61
5.2 Projek Pembangunan Semula Bandar 62
5.3 GPP Pembangunan Semula Bandar 63
5.4 GPP Pengenalpastian Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield* *64*

6.0 Sistem Kewangan Majlis Perbandaran dan Ekonomi Bandar

6.1 Dasar Transformasi Negara 2011-2020 66
6.2 *National Key Economic Areas* *66*
6.3 Wilayah Ekonomi Koridor (REC) 67

7.0 Pelaksanaan Tempatan

7.1 Menyediakan Perkhidmatan Asas Untuk Semua Warga Bandar;
7.1.1 Kemudahan Perumahan 69
7.1.2 Kemudahan Awam dan Infrastruktur 70
a. *Free Parking* *70*
b. Aplikasi *Smart Parking* Melaka 71
c. Bas Percuma 73
d. Bas Elektrik 74
e. Bas Panorama 74

7.2 Memastikan Semua Warga Mempunyai Akses Kepada Peluang Yang Sama dan Tiada Diskriminasi;
7.2.1 *My Beautiful New Home* *75*
7.2.2 Program Perumahan Kakitangan Awam Melaka 76

7.3 Menggalakkan Langkah-langkah Yang Menyokong Bandar Sihat dan Bersih;
7.3.1 Program Bandar Bersih 77
7.3.2 Program SWCorp 78
7.3.3 Program PBT, 3R 79
7.3.4 Program Penggunaan Beg Plastik Biodegradasi 80
7.3.5 Program Bandar Hijau 81
7.3.6 Gaya Hidup Sihat dan Hijau (Program 10,000 Langkah) 82
7.3.7 Program "Melaka Tanpa Beg Plastik dan Polisterin" 83
7.3.8 Anugerah Hijau Melaka 84

7.4 Menguatkan Dayatahan Bandar Mengurangkan Risiko dan Kesan Bencana;
7.4.1 Ringkasan dayatahan bandar 85
7.4.2 Program PBT (MBMB) 86

7.5 Menangani Perubahan Iklim dengan Mengurangkan Pelepasan Gas Rumah Hijau;
7.5.1 *Green City Action Plan* (GCAP) Melaka 87
7.5.2 Program PTHM (Kenderaan Bersih GHG) 88
7.5.3 Program *Smoke Free Melaka* *89*
7.5.4 Program *Melaka Car Free Zone* *90*
7.5.5 Program berbasikal PBT 91

7.6 Melaka Prihatin;
7.6.1 Banjir 92
7.6.2 Ribut 93
7.6.3 Hari Bertemu Rakyat 93
7.6.4 Mudahkan Penerima Bantuan JKM 94
7.6.5 Pelajar Timur Tengah 94

7.7 Menggalakkan Ruang Awam Yang Selamat
7.7.1 Kawasan Rekreasi Yang Mesra Pengguna Dan Selamat 95
7.7.2 Kemudahan Ruang Pejalan Kaki dan Basikal 96
7.7.3 Crime Preventional Through Environmental Design (CPTED) 97
7.7.4 Program Bandar Selamat 98
7.7.5 Indeks MurniNet 99

Perutusan YAB Ketua Menteri Melaka

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Salam Melaka Berwibawa
"Pintar, Hijau, Bersih"

Alhamdulillah segala pujian bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan keizinan-Nya, Monograf ini dapat diterbitkan dengan jayanya oleh PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Melaka).

Agenda Perbandaran Baharu merupakan satu anjakan paradigma dalam cara kita berfikir, membina dan mewujudkan rantaian rakan pembangunan dalam menguruskan bandar - bandar pada masa akan datang secara holistik dan mampan.

Agenda Perbandaran Baharu ini juga merupakan wawasan bersama untuk masa depan yang lebih baik dan lebih mampan - di mana semua orang mempunyai hak dan akses sama rata kepada manfaat dan peluang yang bandar boleh tawarkan, dan di mana masyarakat antarabangsa menimbang semula sistem bandar dan bentuk fizikal ruang bandar kita untuk mencapai matlamat ini.

Diharapkan dengan penerbitan Monograf ini dapat membuka minda masyarakat Malaysia khususnya dalam bidang Perancangan Bandar serta memacu pembangunan Negeri Melaka ke arah "Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih".

Tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Melaka kerana berjaya menerbitkan monograf ini. Semoga jabatan lain dapat mengikut jejak serta menjadikan ia suatu jambatan penghubung hasrat kerajaan kepada rakyat sepertimana yang diharapkan dan setiasa diberkati oleh Allah SWT.

Salam Hormat,

HJ ADLY BIN ZAHARI
Ketua Menteri Melaka

Sekapur Sirih YB Datuk SUK

بسم الله الرحمن الرحيم

Salam Melaka Berwibawa
"Pintar, Hijau, Bersih"

Sudah sedia maklum, penjawam awam adalah nadi dan sumber inspirasi perkhidmatan awam negara serta penentu kejayaan pelaksaan dasar-dasar kerajaan. Semua penjawat awam perlulah sentiasa bersikap profesional dan juga perlu berfikir di luar kotak dalam menacari idea-idea baharu bagi memastikan tahap keberhasilan perkhimatan yang diberikan oleh kerajaan dapat dirasai oleh semua genap rakyat.

Penerbitan Monograf ini dilihat sebagai salah satu penghasilan bahan ilmiah yang dilihat dapat membantu dalam meneruskan agenda Kerajaan Negeri bagi mencapai matlamat utama dalam untuk membina dan mengurus negeri Melaka ke arah Melaka Berwibawa, serta akan memenuhi harapan dan kehendak daripada rakyat.

Selain daripada itu juga, iaya sedikit sebanyak dapat membantu dalam merubah lanskap kehidupan masyarakat di negeri Melaka ke arah masyarakat yang maju dengan pemikiran sepertimana di Negara maju. Saya juga berharap dengan adanya monograf ini, ianya dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada pembangunan yang lebih berdaya saing.

Tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Melaka kerana berjaya menghasilkan monograf yang sangat komprehensif dan di luar kelaziman perancangan bandar.

Sekian, terima kasih

Salam hormat,

DATUK SERI ROSLAN BIN IBRAHIM
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Prakata Pengarah

بسم الله الرحمن الرحيم

Salam Melaka Berwibawa
"Pintar, Hijau, Bersih"

Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur kehadrat Ilahi kerana PLANMalaysia@Melaka telah berjaya mengasilkan dan menerbitkan monograf ini. Dengan kerjasama semua kakitangan terutamanya ketua-ketua unit di Jabatan ini selaras dengan wawasan kerajaan Negeri dalam memahami dan mengupas pengertian Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

Secara umumnya, Agenda Perbandaran Baharu merupakan wawasan bersama untuk masa depan yang lebih baik dan lebih mampan - di mana semua orang mempunyai hak dan akses sama rata kepada manfaat dan peluang yang bandar boleh tawarkan, dan di mana masyarakat antarabangsa menimbang semula sistem bandar dan bentuk fizikal ruang bandar kita untuk mencapai matlamat ini.

Agenda Perbandaran Baharu itu menawarkan satu anjakan paradigma berdasarkan sains bandar; ia membentangkan standard dan prinsip untuk perancangan, pembinaan, pembangunan, pengurusan, dan peningkatan kawasan bandar di samping lima tunggak utama pelaksanaan: dasar negara bandar, undang-undang dan peraturan bandar, perancangan dan reka bentuk bandar, ekonomi tempatan dan kewangan perbandaran dan pelaksanaan tempatan. Ia adalah sumber untuk setiap peringkat kerajaan, dari negara hingga tempatan; untuk organisasi masyarakat awam; sektor swasta; kumpulan konstituen; dan untuk semua yang memanggil ruang bandar dunia itu "rumah" bagi merealisasikan wawasan ini.

Agenda Perbandaran Baharu itu menggabungkan pengiktirafan baru pertalian antara pembandaran yang baik dan pembangunan. Ia menggariskan hubungan antara pembandaran yang baik dan penciptaan peluang pekerjaan, peluang mata pencarian, dan peningkatan kualiti hidup, yang perlu dimasukkan ke dalam setiap dasar dan strategi pembaharuan bandar. Ia menonjolkan hubungan antara Agenda Perbandaran Baharu dan Agenda Pembangunan Mampan 2030, terutama Matlamat 11 mengenai bandar dan masyarakat mampan.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua lapisan pegawai PLANMalaysia@Melaka serta semua agensi dan jabatan di Negeri Melaka yang terlibat secara langsung atau tidak lansung dalam membantu dan menjayakan penerbitan monograf ini.

Sekian.

MOHD FAIDZAL BIN HAMZAH
Pengarah PLANMalaysia@Melaka

PENGENALAN

PLANMalaysia@Melaka

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

MAKLUMAT RINGKAS

LUAS KAWASAN
: **1,654.14 km persegi**
(165,414 hektar)

BADAN KERAJAAN

- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)
- Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)
- Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)
- Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)

2x besar daripada SINGAPURA *(719 km2)*

14x besar daripada MACAU *(115.3 km2)*

0.6x kecil daripada *greater* KL/KV *(2,843 km2)*

GUNATANAH SEMASA



PECAHAN PENGGUNAAN TANAH SEMASA, 2015

19.8% KAWASAN TEPUBINA

63.5% PERTANIAN

5.33% HUTAN

Sumber: PLANMalaysia@Melaka 2016

PROFIL PENDUDUK, 2016

908,200 POPULASI

2.8% DARIPADA NEGARA MALAYSIA

68.9% UMUR ORG BEKERJA 15-59 TAHUN

23.4% KANAK-KANAK 0-14 TAHUN

7.7% 60+ TAHUN

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia, 2016

NEGERI MELAKA

- Potensi
- Boleh Ditambah Baik
- Cabaran

POPULASI & EKONOMI

908,200
ORANG (TAHUN 2016)
PELANCONG TAHUNAN

1.58 Million
ANGGARAN POPULASI (TAHUN 2040)

65.4 Di bawah Purata Negara (67.7%)
KADAR PENGLIBATAN TENAGA BURUH, 2016

0.9% Lebih baik berbanding Purata Negara (3.4%)
KADAR PENGANGGURAN, 2016

Melaka disenaraikan sebagai "Top 7" negeri membangun dengan RM31.7 bn *GDP* pada 2015 dan pertumbuhan sebanyak 5.57% *CAGR*.

PERANCANGAN & SOSIAL

RM5,029
PENDAPATAN ISI RUMAH PERTENGAHAN, 2014

0.316 Di bawah Purata Negara (0.401)
PEKALI *GINI*, 2016

0.1 Lebih baik berbanding Purata Negara (0.9%)
INSIDEN KEMISKINAN, 2014

99%
AKSES BEKALAN ELEKTRIK, 2016

100%
AKSES BEKALAN AIR, 2016

PENGANGKUTAN & PERHUBUNGAN

Cadangan kereta api berkelajuan tinggi (KL ke Singapura) yang berhubung ke Melaka.

Jaringan Pengangkutan Tidak Bermotor

Laluan Pejalan Kaki : 54.55 km

Laluan Basikal : 42.35 km (Laluan : Jasin – Alor Gajah – Melaka Tengah)

86.5 'Top 6' tertinggi di Semenanjung Msia.
KADAR PENEMBUSAN JALUR LEBAR, 2016

Melaka disediakan liputan yang baik dengan rangkaian telefon 2G/3G & 4G.

PERUBAHAN IKLIM & PERSEKITARAN

5.1%
KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN TERHADAP PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU

625,000
penduduk, 79%
daripada jumlah penduduk Negeri Melaka yang hidup di kawasan berisiko banjir

Aspirasi terhadap '*Green Technology City State*' menjelang tahun 2020.

- Pengurusan Air
- *EE* & *RE*
- Pengangkutan Hijau
- Sifar Sampah
- Warisan Budaya & Pelancongan
- Perhutanan Bandar & Pertanian

Pengukuhan Pemahaman "Agenda Perbandaran

MALAYSIA

PEMBANGUNAN MAMPAN

17 SDG'S & 169 TARGETS

Qualitative measures to achieve sustainable development

GOALS & MEASURES

AGENDA PERBANDARAN BAHARU

THRUSTS

Transformative Implementation

Effective Implementation

URBAN PROSPERITY | SOCIAL INCLUSION | ENVIRONMENTAL SUSTAINABLE | GOVERNANCE STRUCTURE | SPATIAL DEVELOPMENT

TOOLS & ENABLERS to achieve its commitment for **Cities For All**

Development Enablers

- POLISI BANDAR NEGARA
- EKONOMI BANDAR & KEWANGAN PERBANDARAN

Operational Enablers

- PERANCANGAN BANDAR & REKABENTUK BANDAR
- PERUNDANGAN BANDAR, PERATURAN & PENGAWALAN
- PELAKSANAAN TEMPATAN

Baharu" (NUA) & "Matlamat Pembangunan Lestari" (SDG)

⇒ Menggalakkan Pihak Kerajaan Tempatan ke arah Pelaksanaan NUA & SDG

⇒ Pelaporan Mengenai Kemajuan Malaysia

1.0

AGENDA PERBANDARAN BAHARU

1.1 APA ITU AGENDA PERBANDARAN BAHARU (NUA)

Agenda Perbandaran Baharu merupakan wawasan bersama untuk masa depan yang lebih baik dan mampan, di mana semua orang mempunyai hak dan akses sama rata kepada manfaat dan peluang yang bandar boleh tawarkan, dan dimana masyarakat antarabangsa menimbang semula sistem bandar dan bentuk fizikal ruang bandar kita untuk mencapai matlamat ini.

Agenda Perbandaran Baharu membentangkan standard dan prinsip untuk perancangan, pembinaan, pembangunan, pengurusan, dan peningkatan kawasan bandar di samping lima tunggak utama pelaksanaan: dasar negara bandar, undang-undang dan peraturan bandar, perancangan dan reka bentuk bandar, ekonomi tempatan dan kewangan perbandaran, dan pelaksanaan tempatan.

1. Satu agenda berbentuk ***political statement not legally binding*** bagi negara-negara anggota PBB-pembangunan kemampanan bandar dan penempatan manusia menjelang tahun 2036.

2. Bermula Ogos 2015 – Februari 2016 bersama 22 Issue Papers & 6 Tema - ***2030 Agenda for 17 Sustainable Development Goals (SDGs)*** dan ***Paris Agreement On Climate Change (COP 21)***.

3. Deklarasi merupakan komitmen dan tindakan yang perlu diambil oleh Malaysia berkenaan perancangan dan pembangunan perbandaran.

4. Namun ada menyentuh pelbagai ***cross-cutting issues*** yang melangkaui bidang fungsi dan peranan KPKT seperti **isu hak asasi manusia, alam sekitar, kesihatan, sumber manusia,** ***refugees, internally displaced persons, migrants, gender equality*** dan sebagainya – **para 20,28,42 dan 57**

5. Perbandaran dan penempatan manusia mesti **melibatkan semua** tanpa mengira bangsa, agama, kepercayaan, warna kulit, jantina dan fahaman politik yang merujuk kepada **"*right to the city*" – *LEAVE NO ONE BEHIND* – para 11 dan 14(a)**

1.2 KANDUNGAN AGENDA PERBANDARAN BAHARU

DASAR PERBANDARAN NEGARA

Dasar Perbandaran Negara merupakan dasar yang memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan perbandaran negara supaya lebih efisien dan sistematik khususnya bagi mengurus peningkatan jumlah penduduk bandar pada tahun 2020 dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di dalam bandar.

PERUNDANGAN DAN PERATURAN PERBANDARAN

Akta 172, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976

REKABENTUK DAN PERANCANGAN PERBANDARAN

Rancangan Pembangunan : Rancanag Struktur Negeri, Rancanag Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas

Garis Panduan Perancangan

SISTEM KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN & EKONOMI BANDAR

Dasar Transformasi Negara 2011-2020

12 National Key Economic Areas

Wilayah Ekonomi Koridor (REC)

PERANCANGAN PERLUASAN BANDAR / PERANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

Projek Pembangunan Semula Bandar

GPP Pembangunan Semula Bandar

GPP Pengenalpastian Pembangunan Semula Kawasan Brownfield

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERBANDARAN

Hasil dari segi kualiti penyelesaian bandar bergantung pada set peraturan dan peraturan yang dibingkai dan dibuat efektif; memperkuatkan perundangan bandar, menyediakan ramalan dan arahan kepada rancangan pembangunan bandar untuk membolehkan perkembangan sosial dan ekonomi.



KONSEP DAN PERANCANGAN PERBANDARAN

Memperkukuhkan perancangan bandar dan wilayah untuk memanfaatkan dimensi ruang dalam bentuk urban dan memberikan kelebihan bandar.

EKONOMI BANDAR

Mewujudkan rangka kerja pembiayaan yang berkesan, membolehkan pembiayaan perbandaran dan sistem fizikal tempatan yang kukuh untuk mewujudkan, mengekalkan dan berkongsi nilai yang dijana oleh pembangunan bandar lestari.

TERAS UTAMA '*NEW URBAN AGENDA*'

- Perancangan bandar yang mengambil kira aspek sosial dan ekologi dan penyediaan pe-rumahan yang memenuhi kualiti hidup.

- Memberi keutamaan terhadap keselamatan, kemudahsampaian, kemudahan awam serta mapan.

- Memelihara dan memulihara ekosistem, alam semulajadi dan biodiversiti dengan impak alam sekitar yang minima.

1.4 KAEDAH PELAKSANAAN AGENDA PERBANDARAN BAHARU



- Diluluskan oleh *Governing Council* pada sesi ke-25 dalam 27 kajian global PBB-Habitat di *URBAN AND TERRITORIAL PLANNING* April 2015.

- IG-UTP - dimaksudkan untuk menjadi rangka kerja rujukan global untuk meningkatkan dasar, rancangan, corak dan proses pelaksanaan yang akan menjurus lebih padat dari segi sosial inklusif, lebih baik menyatupadukan dan berhubung bandaraya dan wilayah yang merangsang kemajuan bandar yang boleh dikekalkan dan berdaya tahan kepada perubahan iklim.

- Garis panduan terdiri daripada 12 prinsip-prinsip yang digunakan di serata dunia, 114 cadangan kepada 4 kumpulan sasaran.

- Strategi terkandung dalam *Guidelines* kini dikenal pasti sebagai satu cara menyokong pelaksanaan *New Urban Agenda* yang mana telah diterima di persidangan antarabangsa Habitat III di Quito pada 20 Oktober 2016.

Pada April 2015, negara-negara anggota *Majlis Pentadbiran UN-Habitat* meluluskan Resolusi 25/6 yang mana menggalakkan mereka berdasarkan keadaan, keperluan dan keutamaan, “mempertimbangkan prinsip - prinsip perancangan bandar dan wilayah yang digariskan di dalam garis panduan ketika membangun, menyemak dan melaksanakan dasar bandar negara dan rangka kerja perancangan bandar dan wilayah.

Maklumat dari tinjauan ini akan digunakan untuk menyokong laporan *UN-Habitat* kepada Majlis Pentadbiran terhadap kemajuan pelaksanaan pada sesi ke-26 bulan April 2017.

UN-Habitat telah membangunkan tinjauan ini bagi memantau keadaan global perancangan bandar dan wilayah serta untuk mengesan proses, aktiviti dan keputusan terhadap penyesuaian dan penggunaan Garis Panduan di dalam pelbagai konteks tempatan.

Tambahan pula, ia juga akan digunakan bagi mengenalpasti aktiviti-aktiviti untuk rangka kerja pelaksanaan berdasarkan garis panduan bagi menyokong Agenda Perbandaran Baharu dan sebagai persediaan kepada negara-negara lain untuk mencapai sasaran mereka di dalam *Sustainable Development Goals* (SDG).

1.5 CONTOH PELAKSANAAN AGENDA PERBANDARAN BAHARU DI NEGARA LAIN

CONTOH PELAKSANAAN NEW URBAN AGENDA DI NEGARA LAIN

AFGHANISTAN

Building the urban governance structure

OBJEKTIF

Balanced Social and Economic Development

IMPAK

- ✓ The Afghanistan Urban-National Priority Programme adopted, with 20 objectives and 90+ targets to align urban potential for economic growth with the government's peace-building, stabilization, and poverty reduction efforts.
- ✓ Key national flagship programmes on land registration, occupancy certificates and tenure security, labour intensive jobs stimulus, and community-based urban development are designed and launched for quick-impact within the transformation decade, 2024

SDGs

PHILIPPINES

Environmentally Sustainable and Resilient Urban Development

OBJEKTIF

Protecting Development Gains from Disaster Risk

IMPAK

- ✓ Integrating new planning paradigms that aim to increase the capacity of the urban system to absorb and recover quickly from the impact of plausible hazards, shocks and stresses, and maintain continuity of urban functions throughout.
- ✓ Promoting good practice in local economic development strategies through marketing safer, more resilient cities with stronger, more diverse economies, and innovations in financing sustainable and resilient urban development

SDGs

http://unhabitat.org/books/21-projects-compendium-implementing-the-new-urban-agenda/#

CONTOH PELAKSANAAN NEW URBAN AGENDA DI NEGARA LAIN



UN HABITAT
FOR A BETTER URBAN FUTURE

IMPLEMENTING THE NEW URBAN AGENDA

http://unhabitat.org/books/21-projects-compendium-implementing-the-new-urban-agenda/#

PLANNING AND MANAGING URBAN SPATIAL DEVELOPMENT
Achieving Sustainable Urban Development , Rwanda

PLANNING AND MANAGING URBAN SPATIAL DEVELOPMENT
Ningo-Prampam Planned City Extension, The Greater Accra Region, Ghana

BUILDING THE URBAN GOVERNANCE STRUCTURE
Reviewing Planning and Urban Development Legislation, Mesir

URBAN MOBILITY
Integrating Public Transport with Electric Mobility, Hyderabad India

Sumber : United Nations Human Settlements Program

2.0

ISU & MASALAH PERBANDARAN

2.1 PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM KURANG BERKESAN

Menurut Mc. Loughlin (1969), perancangan merupakan ramalan bagi mengetahui keadaan serta masalah yang akan timbul.

Pembangunan dan perancangan ialah dua aspek yang seiring. Pembangunan tanpa perancangan akan menimbulkan pelbagai masalah dari segi fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Kemudahan awam merupakan komponen penting dalam proses perancangan dan pembangunan negara.

Penyediaan kemudahan yang mencukupi adalah perlu terhadap indikator tahap pembangunan mampan negara.

Perancangan bandar perlu dititikberatkan dengan memberi tumpuan terhadap corak penempatan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap di samping kesejahteraan alam sekitar.

Pembandaran yang baik juga merangkumi persekitaran bandar yang memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat dari segi keselesaan dan keselamatan.

Antaranya ialah seperti kawasan lapang dan rekreasi; tempat letak kereta; ketinggian dan keluasan bangunan yang didirikan; kelebaran jalan, kawasan penempatan serta memulihara kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan yang mempunyai nilai sejarah.

♦ Prinsip - Prinsip Perancangan Kemudahan Awam

A) Pengagihan Kemudahan yang Seimbang

Pengagihan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan seimbang mengikut hierarki, lokasi yang bersesuaian dan keperluan penduduk.

B) Kemudahsampaian

Perancangan dan perletakan kemudahan masyarakat perlu berlandaskan konsep kejiranan yang mana menitikberatkan kemudahsampaian kepada pengguna dalam jarak berjalan kaki.

C) Keselesaan dan Keselamatan

Perletakan di kawasan yang tidak berisiko akan menjamin keselamatan pengguna dan orang awam.

D) Interaksi

Penyediaan kemudahan mewujudkan interaksi sosial masyarakat. Antaranya seperti dewan serba guna, perpustakaan dan pasar awam.

E) Reka Bentuk

Perlu mengambilkira nilai astetik dan budaya setempat di samping menerapkan elemen "*Crime Prevention Through Environmental Design*" (CPTED) dan reka bentuk sejagat (*Universal Design*).

2.2 PERSEKITARAN KURANG SIHAT

- Persekitaran adalah keadaan yang berada di sekeliling termasuk keadaan fizikal, ekonomi, sosio budaya , politik dan interaksi di antara sesama manusia dan alam sekitarnya.

Tiga Ideologi Utama dalam Amalan Perancangan Bandar

Mc Loughlin (1975)

- Mewujudkan alam sekitar fizikal yang baik bagi menghasilkan ke-hidupan yang sihat dan bertamadun.
- Mengagihkan kegunaan-kegunaan tanah yang berasingan di atas ruang tanah yang terhad bagi mewujudkan guna tanah yang seimbang dan teratur.
- Mewujudkan asas fizikal bagi kehidupan masyarakat bandar yang lebih baik.

PERBUATAN MANUSIA

- Pencemaran udara disebabkan hasil daripada perlepasan asap kenderaan.
- Jerebu disebabkan oleh aktiviti pembakaran secara terbuka oleh manusia.
- Pencemaran air disebabkan pembuangan sampah dan kumbahan air ke sungai dan laut.
- Pencemaran tanah disebabkan penggondolan hutan, pembuangan sisa pepejal dan kimia.

- Kurang kesedaran masyarakat negara ini mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar mengakibatkan penurunan kualiti hidup.

2.3 KURANG KECEKAPAN PENGANGKUTAN AWAM

- Pengangkutan awam merangkumi segala sistem pengangkutan yang mana penumpang tidak bergerak menggunakan kenderaan sendiri.
- Selain perkhidmatan rel dan bas, definisi yang lebih luas boleh merangkumi perkhidmatan penerbangan berjadual, feri, teksi dan sebagainya.
- Pengangkutan awam biasanya dikenali sebagai pengangkutan umum dan biasanya diatur untuk menawarkan perkhidmatan berjadual dalam laluan tetap tanpa penempahan.

- Disebabkan kos tambang yang tinggi, masyarakat sanggup berkereta sendiri agar dapat mengurangkan kos perbelanjaan bulanan. Natijahnya, kesesakan lalu lintas terus berlaku. Bilangan bas dan teksi yang tidak cukup juga merupakan salah satu punca.
- Golongan muda lebih rela memandu sendiri dan tidak mahu membazir masa untuk menunggu ketibaan bas. Impaknya, masalah kesesakan lalulintas terus berlaku. Ini disebabkan oleh perkhidmatan yang kurang berkualiti dan kurang efisien.
- Rangkaian pengangkutan perlu mampu menyokong pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan populasi dan kepelbagaian aktiviti di bandar. Sistem pengangkutan yang teratur dan komprehensif dapat membantu menyumbang kepada kemakmuran ekonomi.
- Beberapa punca yang menyebabkan kesesakan lalu lintas tetap berlaku saban waktu walakin pengangkutan awam disediakan. Jadual perjalanan yang tidak sistematik juga mendorong kepada kesesakan lalu lintas.
- Oleh itu, pelbagai jenis pengangkutan awam disediakan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan berlakunya masalah kesesakan lalulintas seperti teksi, bas, Monorel Kuala Lumpur, Sistem Aliran Ringan (LRT), Komuter dan sebagainya.

2.4 KESESAKAN LALULINTAS

Isu kesesakan lalu lintas di kawasan bandar merupakan satu fenomena dan isu yang global dan keadaan ini telah menyebabkan berlakunya gangguan dan implikasi terhadap persekitaran manusia dan persekitaran fizikal serta psikologi pengguna lalulintas itu sendiri.

Pengurusan trafik biasanya dilakukan di kawasan bandar di mana kesesakan teruk berlaku. Pengurusan ini adalah perlu bagi melancarkan pergerakan trafik agar lebih selamat dan berkesan. Teknik pengurusan trafik direkabentuk bagi kenderaan yang bergerak, tidak bergerak dan pejalan kaki.

Langkah Mengurangkan Kesesakan Lalulintas :

- Peningkatan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam.
- Pembangunan berorientasikan transit.
- Budayakan sikap berkongsi kenderaan.
- Kawalan kemasukan pusat bandar pada masa tertentu.
- Membina lebuhraya bertingkat.
- Peranan Pihak Berkuasa Tempatan.

2.5 KES PENYAKIT BERJANGKIT

Definisi Penyakit

Penyakit adalah keadaan yang tidak normal pada badan atau minda yang menyebabakan ketidakselesaan, disfungsi atau tekanan (*stress*) kepada orang yang terbabit.

Definisi Penyakit Berjangkit

Penyakit yang disebarkan oleh agen jangkitan / vector, seperti bakteria, fungi, parasit, dan virus. Penyakit berjangkit bergantung kepada pertukaran cecair, bahan-bahan tercemar, atau sentuhan (*close contact*) di antara si pembawa kepada individu yang sihat.

Langkah Meningkatkan Taraf Kesihatan

1. Pemakanan yang berkhasiat
2. Perkhidmatan kesihatan sekolah
3. Kempen gaya hidup sihat & kebersihan
4. Program keselamatan & kesihatan pekerjaan

- Kesihatan rakyat adalah kunci untuk Malaysia mencapai objektif pembangunan.

- Penjagaan kesihatan yang bertambah baik dapat menyumbang kepada tenaga kerja yang lebih produktif.

- Menjadikan Malaysia sebagai tempat yang lebih baik untuk didiami.

KADAR INSIDEN PENYAKIT BERJANGKIT

Incidence Rate of Communicable Diseases

Penyakit Berjangkit Communicable Disease	2013		2014		2015		2016		2017	
	Bil. No.	Kadar Rate	Bil. No.	Kadar Rate	Bil. No.	Kadar Rate	Bil. No.	Kadar Rate	Bil. No.	Kadar Rate
Penduduk	867300		881400		895100		908300		921500	
Cholera	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.0
Dengue Fever	1422	163.90	2706	313.90	2382	266.10	2302	253.44	1415	153.6
Dengue Haemorrhagic Fever	83	9.57	43	4.88	38	4.25	24	2.64	10	1.1
Diphteria	0	0.00	0	0.00	0	0.00	3	0.33	1	0.1
Dysentry	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	1	0.1
Food Poisoning	705	81.29	441	50.03	605	67.59	966	106.35	897	100.2
Gonorhoea	38	4.38	62	7.03	67	7.49	88	9.69	107	11.6
HIV	169	21.50	138	15.66	128	14.30	113	12.44	173	18.8
AIDS	96		48		44		48		112	
HFMD	360	41.51	792	89.86	433	48.37	2202	242.43	1117	121.2
Leptospirosis (Probable + disahkan)	10	1.15	62	7.03	231	25.81	227	24.99	152	16.5
Malaria	8	0.01	10	0.11	3	0.00	6	0.01	2	0.0
Measles	7	9.22	0	0.00	100	111.72	50	55.05	31	33.6
Poliomylitis	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.0
Rabies	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.0
Syphilis	76	8.76	41	4.65	56	6.26	75	8.26	73	7.9
Tuberculosis	546	64.10	659	74.77	513	57.31	571	64.50	639	69.3
Typhoid	1 * (import)	0.00	1	0.11	0	0.00	1	0.11	1	156.5
Viral Encephalitis	0	0.00	3	0.35	1	0.11	1	0.11	0	0.0
Viral Hepatitis A	2	0.23	0	0.00	1	0.11	0	0.00	2	0.2
Viral Hepatitis B	145	16.72	137	15.88	81	9.05	108	11.89	97	10.5
Viral Hepatitis C	305	35.17	230	26.67	164	18.32	171	18.83	213	23.1
Whooping Cough/Pertussis	7	0.81	23	2.61	33	3.69	8	0.88	9	1.0

*Kadar : setiap 100,000 penduduk / * Rate : per 100,000 population

Kecuali malaria per 10,000 penduduk dan Neo. Tetanus per 1,000 kelahiran hidup

Except malaria per 10,000 population and Neo. Tetanus per 1,000 life birth

Kecuali measles per 1,000,000 penduduk

2.6 KAWASAN KEPADATAN TINGGI

◊ "Taburan penduduk" merupakan sebaran penduduk di sesuatu tempat.

TABURAN PENDUDUK NEGERI MELAKA

⇒ Penduduk Negeri Melaka berjumlah 821,110 orang pada tahun 2010 berbanding 605,239 orang pada tahun 2000. Peratusan pertumbuhan melebihi tahap nasional dengan KPPT berjumlah 2.7% berbanding Malaysia 1.9% pada tahun 2000-2010.

⇒ Tumpuan utama penduduk Negeri Melaka adalah di Daerah Melaka Tengah 61% (503,127 orang) berbanding Alor Gajah 22% (182,666 orang) dan Jasin 17% (135,317 orang) pada tahun 2010.

Merujuk Jadual 2.6(a), unjuran penduduk Senario Ketiga mensasarkan jumlah penduduk Negeri Melaka tahun 2035 ialah seramai 1.54 juta orang dengan kadar pertumbuhan sederhana sebanyak 2.7% setahun. Beberapa sumber unjuran Penduduk telah dikenalpasti dan disesuaikan dengan kajian RSNM 2035 seperti Jadual 2.6 (b) :

Jadual 2.6(a)

SENARIO	*2010	**2015	2020	2025	2030	2035	KPPT(%)
Senario 1 (Rendah)	790,136	886,144	993819	1,114,576	1,250,007	1,401,894	2.3
Senario 2 (Sederhana Rendah)	790,136	898,336	1,021,352	1,161,214	1,320,228	1,501,018	2.6
Senario 3 (Sederhana Tinggi)	790,136	902,722	1,031,351	1,178,307	1,346,204	1,538,023	2.7
Senario 4 (Tinggi)	790,136	907,126	1,041,437	1,195,635	1,372,664	1,575,904	2.8

*Nota: * Ialah data tahun asas berdasarkan kepada Laporan Ciri-ciri Ekonomi Penduduk 2010-Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia**AnggaranPenduduk 2015 berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan 2010, Jabatan PerangkaanMalaysiaSumber: Kajian Semula RSN Melaka, 2035 (2015)*

Jadual 2.6(b)

Unjuran Penduduk (berasaskan kajian-kajian)	Saiz Penduduk (Juta)	Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan (%)	2010	2015	2020	2025	2030	2035
*Rancangan Fizikal Negara Ke-3	0.82	0.87	0.93	-	1.04	-	2.6	
**RSN Melaka 2020	0.74	0.82	0.90	-	-	-	2.3	
***Jabatan Perangkaan Malaysia	0.79	-	-	-	-	-	2.7	
RSN MELAKA 2035	0.79	0.90	1.03	1.17	1.34	1.54	2.7	

2.7 KEKURANGAN RUMAH MAMPU MILIK

⇒ Menjelang tahun 2035 sejumlah 19,600 unit rumah kos rendah dan 19,600 unit rumah mampu milik diperlukan (20% rumah kos rendah dan 20% rumah mampu milik)

⇒ Kawasan tanah seluas 6,900 ekar tanah diperlukan bagi menampung permintaan perumahan se-

	2011-2015	2016-2020	2021-2025	2026-2030	2031-2035
Alor Gajah	8,855	6,126	1126	9,474	19,068
Jasin	1,754	1,196	6,942	13,552	21,145
Melaka Tengah	21,786	17,396	4,369	29,330	57,933
Jumlah	32,395	22326	12,438	52,357	98,146

- Harga rumah ditentukan oleh kos harga tanah, infrastruktur, bahan binaan, buruh dan keuntungan dipengaruhi oleh keperluan bayaran muka, tabungan, hutang sedia ada dan jumlah pinjaman.

Rajah 1

Harga Rumah di Malaysia Terus Melebihi 3.0 Kali Piawaian Kemampuan Memiliki Rumah



Pendekatan *Median Multiple* Taraf Kemampuan

Taraf	Nisbah Harga Rumah kepada Pendapatan
Benar-benar Tidak Mampu Milik	5.1 & Lebih Tinggi
Sangat Tidak Mampu Milik	4.1 hingga 5.0
Agak Tidak Mampu Milik	3.1 hingga 4.0
Mampu Milik	3.0 & Lebih Rendah

Rajah 2

Rumah di Kebanyakan Negeri Tidak Mampu Dimiliki Isi Rumah Berpendapatan Median



Rajah 3

Pada Tahun 2014, Rumah di Malaysia dan Beberapa Negeri Utama dianggap Mampu Milik...



Rajah 4

...tetapi Tidak Mampu Dimiliki di Pusat-pusat Bandar Utama di Empat Negeri Utama



Nota: Angka dalam kurungan ( ) merujuk pendapatan bulanan isi rumah median setiap **negeri** pada tahun 2014
Angka dalam kurungan persegi [ ] merujuk pendapatan bulanan isi rumah median **bandar** setiap negeri pada tahun 2014, yang digunakan sebagai proksi untuk pendapatan isi rumah median di setiap kota bandar

*Bandar-bandar di setiap negeri adalah berdasarkan penggarisan (i) Daerah: Petaling (Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya) di Selangor dan Johor Bahru di Johor; (ii) Mukim: Pusat Bandar Kuala Lumpur di Kuala Lumpur dan Georgetown di Pulau Pinang

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 5a

Kekurangan Bekalan Rumah Baharu Ketara di Kebanyakan Negeri Utama Antara Tahun 2012-2014



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 6a

Kenaikan Harga Rumah Median Berbanding dengan Tahap Pendapatan Setiap Negeri Utama Antara Tahun 2012-2014



Rajah 7

Pelancaran Perumahan Baharu Semakin Menjurus Segmen Harta Tanah Mewah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Rajah 8

Majoriti Rumah Belum Dijual di Malaysia dalam Kategori Harga Tidak Mampu Milik



Nota: Harga rumah mampu milik dianggarkan menggunakan HCB. Jumlah harta tanah yang belum dijual termasuk yang telah siap dan masih dalam pembinaan pada S1 2016.

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Faktor yang Menyebabkan Timbulnya Isu Kemampuan Memiliki Rumah di Malaysia

Rajah 5

Bekalan Rumah Baharu Tidak Mencukupi Berbanding dengan Peningkatan Bilangan Isi Rumah Antara Tahun 2012-2014



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 6

Antara Tahun 2012-2014, Kadar Kenaikan Harga Rumah Median Melebihi Kadar Peningkatan Pendapatan Tahunan Isi Rumah Median



*Nota: CAGR merujuk Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (Compound Annual Growth Rate)

Gambar Rajah 1

Komponen Asas Kemampuan Kewangan Perumahan

Perbandingan Metrik Rumah Mampu Milik

Kaedah tahap Makro → Mikro

Pendekatan	Definisi Perumahan Mampu Milik	Kelebihan	Kekurangan
Median Multiple **(MM)**	Harga rumah median yang maksimum tiga kali lebih tinggi daripada pendapatan tahunan isi rumah median (cth. nisbah harga rumah kepada pendapatan 3.0 ke bawah).	Mudah dikira. Membolehkan perbandingan kemampuan memiliki rumah antara negara dan dalam sesebuah negara dari semasa ke semasa.	Tidak mengira peranan kredit.
Housing Cost Burden **(HCB)**	Perbelanjaan perumahan (cth. pembayaran balik gadai janji) kurang daripada 30% daripada pendapatan isi rumah.	Mengambil kira kesan leveraj/ kemampuan dan perbelanjaan tidak berkaitan dengan rumah oleh isi rumah. Membolehkan perbandingan kemampuan memiliki rumah antara negara dan dalam sesebuah negara dari semasa ke semasa.	Ambang 30% yang tidak fleksibel. Ketepatan perbandingan merentas negara mungkin dipengaruhi oleh perbezaan kos sara hidup dan struktur pembiayaan gadai janji antara pelbagai negara.
Residual Income **(RI)**	Pendapatan baki (selepas ditolak kos tidak berkaitan dengan rumah) yang mencukupi untuk membiayai obligasi gadai janji bulanan.	Mengambil kira kesan leveraj dan corak perbelanjaan isi rumah. Lebih mencerminkan keupayaan isi rumah untuk membeli rumah.	Perbandingan merentas negara yang terhad. Memerlukan data terperinci mengenai pendapatan isi rumah, sifat-sifat isi rumah, kos sara hidup dan kos perumahan.

2.8 KADAR PENGANGGURAN TINGGI

Kadar pengangguran belia di Malaysia dianggarkan mencecah 10.7% pada tahun 2015, tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara sebanyak 3.1%. Malaysia tergolong dalam kalangan ekonomi serantau yang mengalami pengangguran belia pada kadar dua angka, meskipun kadar pengangguran keseluruhan adalah rendah (Rajah 1 dan 2).

Golongan belia merupakan lebih separuh daripada jumlah pekerja yang menganggur, meskipun hanya mewakili satu pertiga daripada jumlah tenaga kerja (Rajah 3). Pada tahun 2015, kadar pengangguran belia meningkat 1.2 mata peratusan daripada 9.5% kepada 10.7%, manakala kadar pengangguran negara hanya meningkat 0.2 mata peratusan (2.9% kepada 3.1%) dalam tempoh yang sama (Rajah 4).

Rajah 1

Kadar Pengangguran Belia Rantau ini pada tahun 2015 (% tenaga kerja belia)

Rajah 2

Nisbah Kadar Pengangguran Belia kepada Kadar Pengangguran Negara tahun 2015 (kali)

Nota: Merujuk data 2013 untuk Indonesia dan Thailand, serta data 2014 untuk Vietnam. Data pengangguran untuk Singapura termasuk golongan berumur 25-29 tahun. Data pengangguran untuk Indonesia termasuk pencari kerja tidak aktif.

Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Kadar Pengangguran Mengikut Kumpulan Umur, 2015 ('000 orang)



Rajah 4

Kadar Pengangguran Lalu, 2000-2015 (% tenaga kerja mengikut kumpulan umur)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 5

Profil Tenaga Kerja Belia dan Kadar Pengangguran Belia Mengikut Tahap Pendidikan, 2015



Rajah 6

Kadar Pengangguran Mengikut Tahap Pendidikan, 2015



Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia



2.9 BANJIR KILAT

FENOMENA BANJIR DI MALAYSIA

◊ Kawasan yang mudah dilanda banjir bagi Negara Malaysia adalah dianggarkan seluas 29,800 km persegi ataupun 9% daripada luas tanah negara.

PROGRAM TEBATAN BANJIR

⇒ Bagi menghadapi masalah banjir yang terjadi secara semulajadi atau akibat pembangunan yang tidak terancang, maka program tebatan banjir telah dirancang dan dilaksanakan dengan lebih pantas.

⇒ Kerajaan meluluskan peruntukkan untuk Program Tebatan Banjir sehingga jumlah RM 2.7 billion dalam RMK-8 untuk mengurangkan kawasan berekonomi yang sering dilanda banjir kepada 50% di seluruh negara.

⇒ Hasilnya : berjaya mengurangkan masalah banjir di beberapa tempat.

Peruntukan Projek Tebatan Banjir (RMK-2 Hingga RMK-8)



Carta 1 : Carta menunjukkan peruntukkan yang diadakan dari RM-2 hingga RM-8

LANGKAH - LANGKAH MENGAWAL BANJIR OLEH JABATAN PENGAIRAN SALIRAN

Menubuhkan Suruhanjaya Tetap Mengawal Banjir.

Menubuhkan Mekanisma Bantuan Bencana Banjir.

Menjalankan kajian lembangan sungai dan menyediakan "*Drainage Master Plans*" untuk bandar utama.

Perlaksanaan kaedah struktur (*structural measures*).

Perlaksanaan kaedah bukan struktur (*non-structural measures*).

Mewujudkan sistem ramalan dan amaran banjir.

Mewujudkan jaringan stesen pengumpulan data hidrologi dan banjir.

Konsep IFM, 'Living with flood' berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- *Mengambil pendekatan tadahan.*
- *Menjadikan banjir sebahagian dari kitaran air.*
- *Menyepadu pengurusan tanah dan air.*
- *Mengambilkira kepelbagaian strategi berdasarkan pendekatan pengurusan risiko.*
- *Mewujudkan kerjasama antara agesi-agensi.*
- *Memastikan pendekatan penglibatan.*

2.10 KES JENAYAH TINGGI

⇒ Laporan Statistik Bulanan Kes Jenayah



Sumber : *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*

APA ITU JENAYAH?

* Jenayah adalah kesalahan yang boleh mengugat keselamatan masyarakat dan menganggu ketenteraman awam.
* Contoh : rogol, curi, rompak, ragut, dadah dan seangkatan dengannya.

* Dalam RMKe-10 (2011-2015), terkandung 7 perkara dan aspek pengurangan jenayah dan masyarakat selamat seperti berikut :

1) Membangunkan kawasan kediaman berdaya maju dan menarik.
2) Membangunkan sistem pengangkutan awam yang utamakan rakyat.
3) Mentransformasi penjagaan kesihatan – kualiti hidup.
4) Menyediakan akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu milik.
5) Menyedia utiliti dan perkhidmatan awam lebih cekap.
6) Menjadikan jalan dan masyarakat lebih selamat.
7) Menghargai khazanah alam sekitar.

3.0

Dasar Perbandaran Negara

(*National Urban Policies*)

3.1 KOMITMEN NEGARA DALAM AGENDA PERBANDARAN BARU

- **AGENDA PERBANDARAN BARU DAN KOMITMEN NEGARA**



perenggan **17, 19 dan 21** dokumen Agenda Perbandaran Baharu pelaksanaan komitmen dan tindakan **mengambil kira keupayaan, kapasiti dan tahap pembangunan negara dan hendaklah menghormati undang-undang, amalan, dasar dan keutamaan negara**

NEW URBAN AGENDA DAN DASAR-DASAR NEGARA

KOMITMEN NEW URBAN AGENDA

- MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN ASAS UNTUK SEMUA WARGA BANDAR
- MEMASTIKAN SEMUA WARGA MEMPUNYAI AKSES KEPADA PELUANG YANG SAMA & TIADA DISKRIMINASI
- MENGGALAKKAN LANGKAH-LANGKAH YANG MENYOKONG BANDAR SIHAT & BERSIH
- MENGUATKAN DAYATAHAN BANDAR MENGURANGKAN RISIKO & KESAN BENCANA
- MENANGANI PERUBAHAN IKLIM OLEH MENGURANGKAN PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU
- MENGHORMATI HAK PELARIAN, PENDATANG & ORANG PELARIAN TANPA STATUS PENGHIJRAHAN
- MENINGKATKAN PERHUBUNGAN & MENYOKONG INOVATIF HIJAU
- MENGGALAKKAN RUANG AWAM YANG SELAMAT

PRINSIP-PRINSIP DASAR PERBANDARAN NEGARA 2

Bandar KPKT

NUA merangka pembangunan & kesejahteraan bandar

Agenda Perbandaran Baharu

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek menyempurnakan Perasmian Focus Group Discussion Pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Malaysia pada 13 November lalu.

MelakaKini

UTAMA TERKINI MELAKA NASIONAL TV MELAKA PELANCONGAN SUKAN

HPBS wujud pembangunan mampan

November 26, 2018 4:18 pm 0

BANDARAYA MELAKA 26 Nov. – Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) mewujudkan pembangunan mampan, sekali gus menjaga persekitaran bandar dan desa.

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, pembangunan sesebuah bandar dirancang bagi seluruh masyarakat tidak mengira bangsa dan agama.

3.2 PENGLIBATAN MALAYSIA 2016



♦ KOMPONEN UTAMA AGENDA PERBANDARAN BAHARU

URBAN RULES AND REGULATIONS

The outcomes in terms of quality of urban settlement depend on the set of rules and regulations that are framed and made effective; strengthening urban legislation, providing predictability and directive to the urban development plans to enable social and economic progression

URBAN PLANNING AND DESIGN

Strengthening urban and territorial planning to best utilize the spatial dimension of the urban form and deliver the urban advantage

MUNICIPAL FINANCE

Establishing effective financing Frameworks, enabling strengthened municipal finance and local fiscal systems to create, sustain and share the value generated by sustainable urban development

AGENDA 2030 PEMBANGUNAN MAMPAN DAN NEW URBAN AGENDA

3.3 SENARIO PERANCANGAN - DASAR DAN STRATEGI



♦ SENARIO PERBANDARAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH

⇒ **Pertumbuhan Perbandaran yang Pesat**

- Penduduk bandar di Semenanjung Malaysia dijangka akan meningkat iaitu daripada 18.98 juta orang (74.8%) pada tahun 2015 kepada 22.58 juta orang (83.3%) pada tahun 2025.

- Di Wilayah Persekutuan Labuan pula, penduduk bandar dijangka akan meningkat daripada 860,000 orang (85.3%) pada tahun 2015 kepada 990,000 orang (87.1%) menjelang tahun 2025.



Kos Rumah yang Tinggi

Peningkatan Kos Sara Hidup di Bandar

ISU DAN CABARAN

Penjanaan Sisa Pepejal dan Pemeliharaan Alam Sekitar

Peningkatan Pemilikan Kenderaan

Kecekapan Penggunaan Tenaga dan Sumber

3.4 RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3 (RFN3)

Matlamat RFN3 adalah memfokuskan kepada pencapaian NEGARA YANG MAMPAN, BERDAYA TAHAN dan BERDAYA HUNI bagi memastikan PERTUMBUHAN yang berterusan sehingga selepas tahun 2020. Matlamat perancangan fizikal negara menjelang 2040 dirangka menerusi tiga teras utama yang menjadi rangka dasar dan stragi RFN3 iaitu :

⇒ **Teras 1 (PD) : Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar**

PD 1 - Pertumbuhan Bandar yang Seimbang

PD 2 - Pembangunan Luar Bandar yang Bersepadu

PD 3 - Hubungan dan Akses yang Dipertingkatkan

⇒ **Teras 2 (KD) : Kemampanan Spatial dan Daya Tahan terhadap Perubahan Iklim**

KD 1 - Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

KD 2 - Perancangan Guna Tanah Holistik

KD 3 - Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

⇒ **Teras 3 (KI) : Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni**

KI 1 - Persekitaran Kehidupan Lengkap dan Berkualiti

KI 2 - Persekitaran Komuniti Berdaya Huni

KI 3 - Keterlibatan dan Kolaborasi Komuniti



STRATEGI KI1.1 MENYEDIAKAN PERUMAHAN YANG SESUAI DI LOKASI YANG SESUAI

Harga rumah yang mampu dibeli oleh isi rumah 40% terendah (B40):

antara RM90,000 (luar bandar) sehingga RM150,000 (bandar)

Sebaliknya,

Malaysia

Purata harga rumah: RM312,050

Melaka

Purata harga rumah: RM185,400

3.5 DASAR PERBANDARAN NEGARA KE-2 (DPN2)

⇒ Draf DPN Ke-2 merupakan dasar yang memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan perbandaran negara supaya lebih efisien dan sistematik, khususnya untuk mengurus peningkatan jumlah penduduk bandar pada tahun 2020 dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal dalam bandar.

⇒ Visi DPN Ke-2 ialah "urus tadbir bandar yang baik bagi mencapai bandar berdaya huni, berdaya saing, inklusif, saksama dan hijau". Prinsip dan objektif DPN Ke-2 yang berkaitan dengan Agenda Perbandaran Baru.

PRINSIP 1 — TADBIR URUS BAIK

Objektif 1.4 : Pengurusan aset secara efisien dan sistematik.

Objektif 1.7 : Pelaksanaan program LA21 dan inisiatif mampan yang lebih efektif.

PRINSIP 2 — BANDAR BERDAYA HUNI

Objektif 2.1 : Membekalkan perumahan yang cukup termasuk perumahan mampu milik yang cukup, berkualiti dan komprehensif untuk semua lapisan masyarakat.

Objektif 2.4 : Menyediakan sistem pengangkutan awam dan mod-mod sokongan supaya efisien, mesra pengguna dan mampu tanggung.

Objektif 2.5 : Menyediakan perkhidmatan infrastruktur dan utiliti perbandaran yang lengkap, efisien dan mampu tanggung.

Objektif 2.6 : Mengintegrasikan reka bentuk bandar yang baik di dalam semua perancangan dan pembangunan.

Objektif 2.7 : Budaya, identiti, warisan, sejarah dan semangat kekitaan.

Objektif 2.8 : Menggalakkan gaya hidup sihat dan rendah karbon.

Objektif 2.11: Persekitaran bandar yang selamat.



PRINSIP 3 BANDAR YANG BERDAYA SAING

Objektif 3.1 : Pembangunan kluster pengelompokan industri bernilai tambah yang tinggi untuk menambah densiti atau kepadatan ekonomi bandar.

Objektif 3.2 : Menyediakan persekitaran yang mesra dan kondusif untuk melonjak pelaburan dan jaringan perdagangan domestik dan asing.

Objektif 3.5 : Infrastruktur, utiliti dan logistik yang kos efektif.

Objektif 3.6 : Menggalakkan penggunaan dan pengeluaran mampan.

PRINSIP 4 BANDAR YANG INKLUSIF DAN SAKSAMA

Objektif 4.1 : Mengurangkan jurang ekonomi di antara penduduk di dalam bandar.

Objektif 4.7 : Mengintegrasikan kampung dalam bandar supaya tidak terpinggir di dalam arus pembangunan bandar.

PRINSIP 5 BANDAR YANG HIJAU

Objektif 5.2 : Penggunaan tenaga lebih efisien dan mampan

Objektif 5.4 : Pengurusan air dan sungai di bandar yang efisien, lestari dan holistik.

Objektif 5.5 : Menambah saiz, kualiti dan bilangan kawasan lapang.

Objektif 5.6 : Menambah saiz dan kualiti kawasan hijau, KSAS dan kawasan pertanian makanan.

Objektif 5.7 : Mengguna pakai amalan pengurusan sisa pepejal yang efektif bagi memastikan bandar yang bersih.

PEMANTAUAN TINDAKAN-TINDAKAN DALAM DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA (DPN2)

DPN2 telah mengenalpasti sebanyak 62 strategi dan 113 tindakan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk dilaksanakan oleh agensi di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan.

Pelaksanaan bagi semua tindakan ini telah dibahagikan kepada tiga (3) peringkat iaitu :-

* **Jangka Masa Pendek - 2017 (Tempoh Pemantauan Tahun 2018)**

  Sebanyak 38 tindakan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam tempoh masa ini.

* **Jangka Masa Sederhana - 2017 hingga 2020 (Tempoh Pemantauan Tahun 2021)**

  Sebanyak 64 tindakan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam tempoh masa ini.

* **Jangka Masa Panjang - 2017 hingga 2025 (Tempoh Pemantauan Tahun 2023)**

  Sebanyak 11 tindakan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam tempoh masa ini.

3.6 LAPORAN PROFIL BANDAR

- **Kajian susulan** daripada Dasar Perbandaran Negara. (DPN)
- Untuk **menyelaras** & **mengemaskini** maklumat bandar, menentukan **definisi** & **hierarki bandar** seperti sasaran DPN.
- Melibatkan sebanyak 241 buah bandar seperti yang telah di kenalpasti di dalam jadual 3.0 Dasar Perbandaran Negara.
  - •150 bandar Fasa 1 (2007-2009)
  - • 91 bandar Fasa 2 (2010-2012)
- KPB 1 melibatkan sebanyak 87 Pihak Berkuasa Tempatan.
- Hanya melibatkan bandar-bandar di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

dpn
Dasar Perbandaran Negara

Klasifikasi Tahap Pencapaian Bandar:

- Berdasarkan kepada empat klasifikasi di mana cadangan tindakan umum juga dicadangkan.

Peratus (%)	Tahap Pencapaian Bandar	Cadangan Tindakan
>80	I - Tinggi	• Menaiktaraf kemudahan semasa serta menggalakkan pembangunan baru bertaraf antarabangsa. • Kawalselia dan pemantauan berkala perlu dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan peningkatan dalam tahap pencapaian bandar.
50-79	II - Sederhana	• Menggalakkan pembangunan baru yang lebih berdayasaing dan maju serta memantau kesinambungan perkembangan bandar semasa ke arah pencapaian yang lebih tinggi.
<50	III – Sederhana Rendah	• Suntikan pembangunan perlu dilaksanakan untuk mempertingkatkan potensi bandar semasa melalui perancangan dan pembangunan baru secara menyeluruh bagi menjana pertumbuhan ekonomi.

PROFIL

1 Latar Belakang	Sejarah Fungsi bandar Keluasan bandar Profil geografi (Latitud /longitud, topografi, saliran, suhu/hujan)
2 Dasar-dasar Perbandaran	Dasar-dasar perbandaran dan strategi pembangunan bandar
3 Pentadbiran Bandar	Sempadan bandar mengikut CAP 137 Sempadan kawasan operasi PBT Sempadan daerah/mukim
4 Penduduk Bandar	Bilangan penduduk semasa Komposisi kaum Strata umur Saiz isirumah Komposisi penduduk Sektor Pekerjaan
5 Gunatanah Bandar	Gunatanah sedia ada (mengikut RFN, RSN, RT) dan komited Kawasan 'brownfield' Kawasan lapang dan rekreasi Kawasan kampung tradisional Kawasan setinggan dan Kawasan mundur Kawasan pertanian utama Pusat perniagaan, perkhidmatan dan zon pentadbiran
5 Ekonomi Bandar	Pekerjaan (employment) Agihan pendapatan (income distribution) Kadar kemiskinan Kadar pengangguran
6 Warisan Bandar	Jenis dan taburan warisan yang *tangible* dan *intangible* Keadaan status bangunan dan kawasan warisan
7 Alam Sekitar	Lokasi dan keluasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar
8 Kemudahan Bandar	Jenis dan taburan kemudahan awam /sosial Keadaan kemudahan awam /sosial
9 Infrastruktur dan Utiliti	Jenis dan taburan infrastruktur dan utiliti Keadaan infrastruktur dan utiliti
10 Pengangkutan Awam	Laluan dan jaringan antara perkhidmatan awam Terminal/stesen pengangkutan awam
11 Isu Dan Peluang	Keunikan bandar Daya tarikan pelancongan

4.0

Perundangan & Peraturan Perbandaran

(*Urban Legislation Rules & Regulations*)



4.1 AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (*Akta 172*) diperbuat menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan. Akta ini dirangka dan dijadikan sebagai salah satu akta terpenting dalam kawalan pembangunan. Ia bertujuan untuk membentuk satu persekitaran yang harmoni dan sesuai didiami oleh semua lapisan masyarakat. Ia juga menentukan bahawa penggunaan, pemajuan dan pemeliharaan tanah akan bersesuaian dengan keperluan manusia dari aspek sosial, ekonomi, fizikal dan persekitaran.

Secara keseluruhannya, Akta ini dibahagikan kepada sembilan (9) bahagian yang merangkumi peruntukan mengenai dasar dan pentadbiran, , rancangan pemajuan, kawalan perancangan, caj pemajuan, perintah pemeliharaan pokok, Lembaga Rayuan, notis pembelian dan pengambilan tanah, kawasan pemajuan serta peruntukan pelbagai yang melibatkan sebanyak lima puluh sembilan (59) seksyen di dalamnya.

Akta 172 ini hanya berkuat kuasa di negeri - negeri Semenanjung Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun pemakaian bagi negeri - negeri hanya boleh dibuat pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan dengan persetujuan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bagi negeri - negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah menggunakan undang-undang perancangannya yang tersendiri. Pada asalnya Akta 172 mengandungi 9 Bahagian dengan 59 Seksyen dan kemudiannya telah dipinda sebanyak 5 kali di antara tahun 1993 hingga tahun 2017.



4.2 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1967 (AKTA 171)

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) merupakan suatu Akta yang digubal oleh Parlimen menurut Fasal (4) Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan mengenai segala peruntukan dan undang-undang berkenaan dengan penyusunan semula dan menyatukan undang -undang berhubungan dengan kerajaan tempatan.

Secara keseluruhannya Akta ini terbahagi kepada lima belas (15) bahagian besar yang merangkumi peruntukan mengenai tafsiran pentadbiran pihak berkuasa tempatan, pekerja pihak berkuasa tempatan, penjalanan urusan, kacau ganggu, akaun dan audit, peruntukan am kewangan, kacau, kebersihan, pasar, krematorium dan sebagainya.

Akta ini sebagai salah satu sumber undang-undang di dalam menentukan kesalahan yang dilakukan di dalam kawasan pentadbirannya dan hanya terpakai bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

Di Sabah, kerajaan tempatan dibentuk melalui peruntukan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961. Di Sarawak, penguasa tempatan ditubuhkan di bawah Ordinan Penguasa Tempatan 1996.



Hari ini, wujud empat jenis kerajaan tempatan di negara ini yang disusun mengikut hierarki seperti berikut:

a) Bandar raya - dikenali sebagai Dewan Bandaraya atau Majlis Bandaraya

b) Bandar - dikenali sebagai Majlis Perbandaran

c) Luar bandar - dikenali sebagai Majlis Daerah

d) Kawasan khas - dikenali sebagai Perbadanan atau Pihak Berkuasa Tempatan.

5.0

Rekabentuk & Perancangan Perbandaran

(*Urban Planning & Design*)

5.1 RANCANGAN PEMBANGUNAN

Rancangan Pemajuan sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, (Akta 172), perlu mengandungi dasar - dasar dan cadangan - cadangan bagi memenuhi keperluan ekonomi dan sosial penduduk melalui pembentukan struktur fizikal yang selesa.

Rancangan Pemajuan juga merupakan sebahagian daripada sistem hierarki pelan pembangunan dalam Negara yang mengandungi 4 peringkat iaitu :

a) Rancangan Fizikal Negara (RFN)
b) Rancangan Struktur Negeri (RSN)
c) Rancangan Tempatan Daerah (RTD)
d) Rancangan Kawasan Khas (RKK)

- Dirunding dengan Pihak Berkuasa Negeri.
- Dilulus oleh MPFN.
- Disediakan oleh Ketua Pengarah JPBD.

- Dilulus oleh JPN.
- Dipersetujui oleh PBT.
- Disediakan oleh Pengarah JPBD Negeri.

- Diluluskan oleh JPN.
- Dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- Disediakan oleh PBPT.

- Diluluskan oleh JPN.
- Dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- Disediakan oleh Pengarah JPBD Negeri / PBPT.

5.1.1 RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

Merupakan suatu pernyataan bertulis mengenai dasar - dasar dan cadangan - cadangan am yang berkaitan dengan pemajuan dan penggunaan tanah, merangkumi aspek - aspek sosial, ekonomi, fizikal dan alam sekitar bagi sesuatu kawasan. Pernyataan bertulis ini akan disokong oleh gambarajah utama.

- ◊ Mengandungi pernyataan bertulis berkenaan cadangan am pemajuan dan penggunaan tanah bagi sesuatu Negeri.
- ◊ Kawasan perancangan RS meliputi sempadan sesuatu Negeri.
- ◊ Rancangan Struktur disediakan oleh Pengarah JPBD Negeri.
- ◊ Rancangan Struktur diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).
- ◊ Rancangan Stryktur hendaklah dimaklumkan dan dirunding kepada Majlis Perancang Fizikal
- ◊ Rancangan Struktur hendaklah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Menerangkan dasar dan cadangan - cadangan strategik peringkat negeri dengan pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan bandar dan luar bandar termasuk langkah - langkah :

a) Memperelokkan lagi alam sekitar dari segi fizikal.

b) Memperelokkan lagi perhubungan dan pengurusan lalu lintas.

c) Meningkatkan tahap kesejahteraan, sosio-ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

d) Melaksanakan pembangunan yang lestari.

5.1.2 RANCANGAN TEMPATAN DAERAH

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH (RTD)

PENGENALAN

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH (RT) merupakan satu dokumen rasmi yang mentafsirkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan umum yang terkandung di dalam Rancangan Struktur (RS) kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci dan praktikal.

RT disediakan bagi kawasan-kawasan yang dikenalpasti di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ia merupakan pelan terperinci yang menterjemahkan polisi-polisi dan cadangan-cadangan am yang terkandung dalam RS.

RT menunjukkan secara bersekil besar tatatur pembangunan bagi sesuatu kawasan yang dilengkapi dengan pernyataan bertulis untuk menerangkan dasar-dasar dan butir-butir lanjut mengenai pembangunan tersebut.

FUNGSI RANCANGAN TEMPATAN

- Menterjemahkan dasar-dasar RS;
- Sebagai panduan pembangunan fizikal bagi daerah dan PBPT berkaitan melalui peta cadangan gunatanah;
- Menyediakan garispanduan bagi kawalan pembangunan ;
- Mengenalpasti projek utama daerah; dan
- Menyediakan garispanduan pelaksanaan

SUMBER: Unit Penyelarasan Projek JPBD SM/APRIL2013



5.1.3 RANCANGAN KAWASAN KHAS

- Disediakan di bawah peruntukan seksyen 16b, Akta 172
- Pengarah Negeri atau PBPT boleh menyampaikan kepada JPN berkenaan dengan cadangan menyediakan Rancangan Kawasan Khas.
- Merupakan suatu kawasan khas yang ditetapkan sebagai kawasan bagi :

"

- *Pengolahan khas dan terperinci dengan cara pemajuan;*
- *Pemajuan semula;*
- *Pengelokan;*
- *Pemuliharaan atau amalan pengurusan sebahagiannya dengan satu kaedah dan sebahagian lagi dengan kaedah yang lain bagi seluruh atau sebahagian kawasan khas itu; dan*
- *Jenis pengolahan yang dicadangkan*

Fungsi

"

- *Sebagai panduan terperinci dalam kawalan dan perancangan bagi kawasan yang telah dikhaskan; dan*
- *Sebagai alat pemangunan yang teratur dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.*



5.2 PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

Definisi Pembangunan Semula Bandar



Pembangunan
pra-sejarah & selepas merdeka

Pembinaan semula
roboh, bina & pulih

Pembangunan semula
imej baru & kemudahan baru

Pembangunan Semula Bandar

Untuk apa?	Menjana semula atau memberi nafas baru kepada ruang bandar.
Di mana?	Digalakkan di kawasan *brownfield*, kawasan usang, terbiar, slum dan tidak ekonomik.
Mengapa?	• Merancang dan menyusun semula. • Membangunkan dengan reka bentuk mesra alam dan sejagat. • Menyediakan kediaman untuk golongan mampu milik dan golongan khas. • Mereka bentuk bagi meningkatkan kualiti persekitaran fizikal. • Meningkatkan daya huni bandar.

Prinsip Utama Pembangunan Semula

1. Pemilik tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah.
   - ⇒ *Pampasan*
   - ⇒ *Tawaran*
1. Penyewa yang terlibat dengan pengambilan balik tanah.
2. Komuniti sekitar hendaklah mendapat faedah dari projek.
3. Pemilik tanah diberi peluang JV.
4. Penduduk sedia ada dan komuniti sekitar yang terjejas oleh projek pembangunan semula bandar perlu diberi peluang untuk memberi pandangan.

5.3 GPP PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

Perkara Asas Pembangunan Semula Bandar

- Visi Jangka Panjang.
- Rekabentuk untuk Rakyat.
- Mengekalkan Budaya Warisan.
- Membentuk Rangkaian Integrasi.
- Gunatanah Optimum.

- Ruang Awam yang Menarik.
- Menjalinkan Kerjasama.
- Membina Kesejahteraan Komuniti.
- Pembangunan Ekonomi Berintegrasi.
- Menggalakkan Kepelbagaian &
- Mewujudkan Keindahan.

Tujuan Panduan Pelaksanaan Pembangunan Semula Bandar

Rujukan PBN, PBT, agensi pelaksana, pemaju dan perunding dalam merancang dan melaksanakan pembangunan semula bandar selaras dengan amalan perancangan terbaik dari aspek fizikal, sosial, alam sekitar dan merekayasa pertumbuhan ekonomi.

Panduan penyediaan rancangan pemajuan untuk merancang pembangunan semula bandar dan juga semasa proses kawalan perancangan untuk menetapkan syarat-syarat pemajuan untuk pembangunan semula bandar.

Mewujudkan pembangunan bandar yang mampan dan meningkatkan kesejahteraan komuniti yang tinggal di kawasan bandar.

Membantu PBN dan PBT mengurus tanah milik kerajaan dan persendirian secara teliti bagi memastikan pembangunan yang akan dilaksanakan adalah berpadanan dengan potensi komersial dan nilai pasaran tanah.

5.4 GPP PENGENALPASTIAN PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN *BROWNFIELD*

Kategori Kawasan Brownfield :

Foto	Jenis *Brownfield*	Kategori
	Bekas lombong/kuari	A
	Kawasan bekas tapak pelupusan sisa pepejal yang telah penuh /tidak lagi digunakan secara kekal	B
	Kawasan kilang/ perniagaan/ perumahan/institusi yang telah ditinggalkan melebihi 10 tahun	C
	Projek – projek pembangunan terbengkalai yang tidak siap dalam tempoh pelaksanaan pembangunan melebihi 10 tahun	D
	Bangunan/deretan lot-lot bangunan yang telah siap tetapi terbiar melebihi 10 tahun	E
	Kawasan bekas depot/ stesen pengangkutan awam, kemudahan infrastruktur dan utiliti	F

Sumber : *GPP Pengenalpastian Pembangunan Semula Kawasan Brownfield (GP023)*

⇒ Kawasan *brownfield* merangkumi situasi berikut :

A) Kawasan yang telah lama terbengkalai
B) Kawasan yang telah siap tetapi tiada pemilik.

TUJUAN

- Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan untuk membantu kerajaan negeri, PBT dan agensi lain dalam pengenalpastian dan memudahcara pembangunan kawasan *brownfield.*
- Garis panduan ini digunapakai di peringkat penyediaan rancangan pemajuan untuk mengenal pasti kawasan *brownfield* dan menetapkan syarat-syarat pemajuan dalam proses kawalan perancangan.
- Garis panduan ini juga termasuk keperluan untuk membentuk pangkalan data GIS bagi inventori kawasan *brownfield* di peringkat negeri dan PBT.
- Bagi tujuan garis panduan ini, kawasan brownfield meliputi projek-projek terbengkalai yang tidak siap dalam tempoh pelaksanaan pembangunan sekurang-kurangnya 10 tahun.

6.0

Sistem Kewangan Majlis Perbandaran & Ekonomi Bandar

(*Urban Economy & Municipal Finance*)

6.1 DASAR TRANSFORMASI NEGARA 2011 - 2020

Dalam fasa pelan pembangunan negara untuk memenuhi matlamat pertumbuhan ekonomi bagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat, Malaysia telah melalui fasa Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1971-1990; Dasar Pembangunan Nasional, 1991-2000; Dasar Wawasan Negara, 2001-2010 dan Dasar Transformasi Negara, 2011-2020.

Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang dilaksanakan bagi tempoh 2011-2020 telah berjaya melonjak dan memberi kesan berganda kepada keupayaan negara untuk memperteguh ekonomi, memberi kestabilan kewangan dan meningkatkan kualiti serta kesejahteraan hidup secara keseluruhan.

Inisiatif DTN merangkumi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

6.2 *NATIONAL KEY ECONOMIC AREAS*

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) mewakili 12 sektor ekonomi bagi memacu kearah pencapaian negara berpendapatan tinggi.Tumpuan kepada bidang-bidang ini disertai dengan sokongan dan insentif kerajaan akan menyumbang kepada menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

12 Sektor Ekonomi dalam NKEA

Pertumbuhan ekonomi melalui NKEA akan menghasilkan pekerjaan berpendapatan sederhana hingga tinggi.

Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah satu usaha komprehensif yang akan mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Greater Kuala Lumpur / Klang Valley akan ditransformasikan kepada sebuah bandar raya bertaraf dunia.

Akhirnya, pertumbuhan akan dicapai dengan cara mampan dan tanpa kos kepada generasi akan datang melalui inisiatif-inisiatif seperti pembinaan kapasiti penjanaan tenaga alternatif dan pemuliharaan alam sekitar bagi mempromosikan ekopelancongan.

6.3 WILAYAH EKONOMI KORIDOR (REC)

Malaysia mempunyai agenda pembangunan sosio-ekonomi untuk rakyatnya. Salah satu daripada strategi jangka panjang kerajaan ialah pembangunan lima wilayah koridor ekonomi iaitu :

a) **Iskandar Malaysia** - Johor.

b) **NCER** - Perlis, Kedah, Pulau Pinang & Perak.

c) **ECER** - Terengganu, Pahang, Kelantan & Mersing (Johor).

d) **SDC** - Sabah.

e) **SCORE** - Sarawak.

Kelima-lima wilayah koridor ekonomi ini disentuh dalam Bajet 2010. Pelbagai projek dirancang membabitkan peruntukan RM3.5 billion.

7.0

Pelaksanaan Tempatan

(*Local Implementation*)

7.1 MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN ASAS UNTUK SEMUA WARGA BANDAR

7.1.1 KEMUDAHAN PERUMAHAN



KETUA Menteri, Adly Zahari (tengah) mendengar penerangan berkenaan projek perumahan daripada Pengarah Urusan Paduwan Reality, Datuk Seri Poh Geok Seng (kiri) sambil diperhatikan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Tey Kok Kiew (kanan) pada majlis menandatangi perjanjian Projek Pembangunan Bercampur seluas 150 ekar di Seri Negeri, Ayer Keroh. - Foto Muhammad Zuhairi Zuber

Melaka bina 1,650 lagi RMM

Oleh Amir Mamat
cnews@nstp.com.my
Rabu, 26 September 2018

Share Tweet

Kerajaan Melaka komited meneruskan usaha penyediaan rumah yang selesa dan mampu milik kepada rakyat yang kurang berkemampuan bagi memastikan golongan itu tidak berterusan menyewa.

Sasaran : Menyediakan 49,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun di negeri Melaka.

Agensi terlibat : Lembaga Perumahan Melaka (LPM)

7.1.2 KEMUDAHAN AWAM DAN INFRASTRUKTUR

a. *Free Parking*

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) tidak lagi mengenakan caj parkir pada setiap Sabtu dan Ahad di dalam zon pentadbirannya mulai 15 Jun 2018 (14,115 petak letak kenderaan).

Waktu operasi perkhidmatan kutipan caj parkir juga diselaraskan iaitu bermula 9 pagi hingga 6 petang (Isnin hingga Jumaat).

Langkah pemansuhan caj parkir kenderaan di seluruh Melaka pada hujung minggu dan cuti umum bakal mengurangkan kutipan hasil PBT sebanyak RM2 juta setahun.

Terdapat 14,115 petak letak kereta dikendalikan syarikat Panduan Emas Sdn Bhd. Daripada jumlah ini, 5,159 petak terletak di kawasan pusat bandar manakala 8,956 lagi di luar pusat bandar.

Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) mengikut jejak langkah MBMB dengan memansuhkan caj parkir kenderaan pada hujung minggu dan cuti umum (2,811 petak).

Petak letak kereta percuma Sabtu & Ahad

Oleh SHAZZUAN SHAH MOHD SALEH

BANDA HILIR 12 Jun - Sebanyak 14,115 petak letak kereta di bawah kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) tidak akan dikenakan bayaran pada Sabtu dan Ahad.

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, arahan itu akan dilaksanakan bermula 15 Jun 2018 melibatkan 5,159 petak letak kereta yang berada dalam kawasan pusat bandar.

Adly berkata, manakala baki 8,956 petak letak kereta berada di dalam kawasan selain pusat bandar.

Jelasnya, waktu operasi perkhidmatan kutipan letak kereta juga diselaraskan iaitu bermula 9 pagi hingga 6 petang pada Isnin hingga Jumaat saja.

Menurutnya, pengecualian bayaran letak kereta ini tidak terpakai kepada pengusaha/operator letak kereta swasta serta syarikat-syarikat kecil yang diswastakan oleh MBMB.

"Ia melibatkan 12 syarikat meliputi 1,436 petak letak kereta, antaranya di Pasar Transit Melaka Sentral, Kompleks Tabung Haji dan Muzium Bukit Sejarah dan Jalan Kota.

"Saya juga mengingatkan pengguna agar mengikut peraturan sedia ada dan meletakkan kenderaan mengikut petak-petak yang disediakan MBMB.

"Jika melanggar peraturan, pengguna boleh didenda maksimum RM300 mengikut perintah (4), peruntukan tempat letak kereta 2001," katanya.

Adly berkata demikian kepada media selepas merasmikan Caj Pakir dan Waktu Operasi Baharu Perkhidmatan Kutipan Bayaran Letak Kereta di Bawah Kawasan Pentadbiran MBMB di Banda Hilir di sini, hari ini.

Turut hadir, Datuk Bandar MBMB, Datuk Azmi Hussain dan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Kok Kiew.

Sementara itu, Azmi berkata, setiap bulan MBMB memperoleh kutipan ... turut laksanakan ... ini," ujarnya.

ADLY, Azmi dan Kok Kiew tiba di Banda Hilir sebelum perasmian Caj Pakir.

ADLY melakukan gimik perasmian Caj Pakir & Waktu Operasi Baharu Perkhidmatan Kutipan Bayaran Letak Kereta di Bawah Kawasan Pentadbiran MBMB di Banda Hilir.

b. Aplikasi *Smart Parking Melaka*

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) memperkenalkan sistem pembayaran kupon letak kereta menerusi aplikasi telefon pintar 'Smart Parking Melaka' mulai 1 Januari depan.

Perkhidmatan ini boleh dimuat turun di aplikasi 'Google Play' dan 'App Store' bagi memudahkan pengguna serta pelancong di negeri ini.

Pengguna boleh membuat bayaran dan menambah nilai secara dalam talian dengan mendaftar akaun serta nombor kenderaan 'Smart Parking Melaka'.

Pengenalan sistem ini dikendalikan oleh sebuah syarikat konsesi dilantik dan ia turut boleh digunakan di tempat letak berbayar di kawasan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Pembayaran menerusi Smart Parking Melaka boleh menggunakan kad debit atau kad kredit. Aplikasi ini boleh dilakukan di mana sahaja tanpa perlu menggores kupon sekiranya memerlukan penambahan masa selain memberi peringatan tempoh masa ditetapkan.

Pengguna akan menerima notifikasi dalam tempoh 15 minit sebelum tamat waktu meletakkan kenderaan bagi mengelak disaman penguatkuasa.

Bagaimanapun sistem pembayaran kupon sedia ada turut masih boleh digunakan di semua tempat letak kereta berbayar di bawah kawasan MBMB.

(MBMB) adalah PBT pertama di Melaka menggunakan aplikasi ini selaras perkembangan teknologi.

SmartParking Melaka

Aim-Force Software Sdn Bhd Productivity

★★★☆☆ 91

3+

MELAKA

Add to Wishlist Install



c. Bas Percuma

Perkhidmatan bas percuma diperkenalkan di Melaka mulai 20 Ogos 2018 kepada pemegang MyKad serta Mykid.

Dikendalikan syarikat kerajaan negeri Panorama Melaka Sdn Bhd.

Setiap penumpang perlu menunjukkan Mykad ataupun Mykid untuk menikmati perjalanan percuma, manakala bukan warganegara dikenakan bayaran dari RM1 hingga RM2.30.

Ketiga-tiga bas menggunapakai teknologi hijau dengan penggunaan gas asli (NGV) sebagai bahan api.

Melalui tiga laluan utama iaitu dari Melaka Sentral ke Mydin melalui Simpang Kipmart; Melaka Sentral ke Mydin melalui Hospital Besar; dan Melaka Sentral ke Pasar Transit.

Mengurangkan pencemaran alam di negeri Melaka selaras dengan konsep Melaka 'Pintar, Hijau dan Bersih'.

BAS 1	BAS 2
6.45 AM	7.30 AM
8.15 AM	9.15 AM
10.00 AM	10.45 AM
11.30 AM	12.15 PM
1.00 PM	1.45 PM
2.15 PM	3.00 PM
4.15 P,M	5.00 PM
6.00 PM	7.00 PM
8.15 PM	9.00 PM

d. Bas Elektrik

Majlis Pelancaran bas elektrik pertama negeri Melaka telah dilancarkan pada 6 Januari 2014. Bas elektrik ini adalah keluaran Syarikat BYD dari China dan dibawa masuk ke Malaysia oleh Syarikat AMDAC.

Menggunakan sistem elektrik sepenuhnya dan menggunakan bateri *Iron-Phosphate* ('Fe' bateri). Ia turut dilengkapi dengan kemudahan untuk penumpang OKU. Kapasiti penumpang duduk 31 orang dan berdiri 20 orang.

Kebolehupayaan bateri adalah bergerak kurang lebih 250km ke 300km. Masa yang diambil untuk mengecas bateri bas adalah 5 hingga 6 jam.

Sebuah stesen pengecas telah dibina di Terminal Bas Melaka Sentral. Penggunaan bas elektrik ini membolehkan penjimatan sebanyak 70% kos direkodkan.

Bas elektrik pertama Melaka ini diuruskan oleh Syarikat Panorama Melaka Sdn Bhd. Laluan bas elektrik tertumpu di kawasan seperti Banda Hilir, Bangunan Stadhuys, Dataran Pahlawan, Bukit Senjuang, Mahkota Parade dan Kota Laksamana.

Penggunaan bas elektrik merupakan inisiatif kerajaan negeri dalam merealisasikan dasar hijau negeri serta ke arah pengurangan intensiti karbon sebanyak 40%.

e. Bas Panorama (dari 24 kepada 40 buah bas)

Bas Panorama ditambah dari 24 buah kepada 40 buah.

7.2 MEMASTIKAN SEMUA WARGA MEMPUNYAI AKSES KEPADA PELUANG YANG SAMA DAN TIADA DISKRIMINASI

7.2.1 *MY BEAUTIFUL NEW HOME*

Pembinaan rumah ini melibatkan penggunaan tenaga pelajar dari institusi pengajian tinggi dalam bidang berkaitan termasuk Institut Kemahiran Belia dan Politeknik bagi meminimumkan kos pembinaan.

Konsep bina rumah di atas tanah sendiri (individu) atau Kerajaan Negeri menyediakan tanah untuk ditawarkan kepada golongan sasaran.

Program “My Beautiful New Home” untuk golongan sasaran B40 yang berpendapatan RM3,000 ke bawah di tanah milik kerajaan.

Kerajaan akan membiayai RM20,000 sementara bakinya dibayar secara ansuran oleh pemilik.

Peserta program perlu menjelaskan bayaran sewaan secara bulanan kepada kerajaan dalam tempoh masa tertentu sebelum rumah berkenaan dipindah milik kepada mereka.

Sebanyak 50 unit rumah di atas tanah berkeluasan 2.3 hektar sedang dibina di Mukim Lipat Kajang di daerah Jasin, Melaka.

Jenis rumah yang dibangunkan adalah rumah sesebuah setingkat.

<u>Syarat - Syarat Kelayakan</u> :

a) Warganegara Malaysia.

b) Pendapatan isirumah tidak melebihi RM3000.00.

c) Tidak pernah memiliki rumah berumur 20

7.2.2 PROGRAM PERUMAHAN KAKITANGAN AWAM MELAKA

* **Perumahan Penjawat Awam Negeri Melaka (MGO-HOME)**

⇒ Merupakan inisiatif kerajaan untuk membolehkan penjawat awam yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan.

⇒ MGO-HOME yang dibina ini turut dilengkapi dengan perabot.

⇒ Contoh : sebanyak 129 unit rumah MGO-HOME di Taman Desa Idaman mukim Durian Tunggal, Alor Gajah dibina di atas tanah seluas 4.05 hektar.

Syarat - Syarat Kelayakan Bagi Pemohon "Rumah Penjawat Awam Negeri Melaka"

- Warganegara Malaysia.
- Pemohon mestilah anggota Perkhidmatan Awam atau Badan-Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dan Badan-Badan Berkanun Negeri (BBN) termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Pemohon mestilah berumur 20 tahun ke atas.
- Pembelian rumah pertama
- Permohonan terbuka kepada semua Gred Jawatan dengan pendapatan bulanan isi rumah di bawah RM8,000.00
- Harga jualan antara RM90,000.00 hingga RM300,000.00 seunit. Jenis rumah Pangsapuri dan Teres dengan keluasan lantai di antara 850 kaki persegi hingga 1,500 kaki persegi.
- Pembiayaan Perumahan melalui Bahagian Pinjaman Perumahan
- Sebarang penjualan dan pindahmilik tidak dibenarkan dalam tempoh 10 tahun kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

7.3 MENGGALAKKAN LANGKAH-LANGKAH YANG MENYOKONG BANDAR SIHAT DAN BERSIH

7.3.1 PROGRAM BANDAR BERSIH

YAB Adly Zahari telah mengumumkan slogan “Don't Mess With Melaka” yang dipromosikan oleh bekas Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron pada 2013 untuk kempen kebersihan digantikan dengan 'Melaka Berwibawa'

Slogan 'Melaka Berwibawa' tersebut adalah gambaran menyeluruh dalam pelbagai aspek, bukannya setakat kebersihan persekitaran semata-mata tetapi merangkumi urus tadbir yang bersih, telus dan amanah.

YAB Adly Zahari mengajak orang ramai mengutip sampah bersama-sama sebelum pulang selepas menghadiri sesuatu program.

Kempen itu dirancang supaya negeri ini kekal bersih selari dengan visi Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau dan Bersih.

Dalam masa sama memupuk sikap dan memberi kesedaran kepada masyarakat menjaga kebersihan.

Ketua Menteri Melaka merasmikan kempen berkenaan dan meluangkan masa mengutip sampah bertaburan selepas Majlis Sambutan Hari Kebangsaan ke-61 di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Bandar Hilir, Melaka pada 31 Ogos 2018.

7.3.2 PROGRAM SWCORP

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah menjadi organisasi pertama di Malaysia yang membina tapak pelupusan terkawal bagi sisa-sisa perbandaran berserta sisa-sisa toksik dari kawasan industrinya.

Lokasi tapak Pelupusan Sisa Pepejal terletak di Lot 1771, Mukim Krubong (seluas 21.71 hektar). Hampir keseluruhan kawasan tapak adalah tanah rendah dan dipenuhi dengan hutan paya nipah-gelam.

Kawasan seluas kira-kira 2.5 hektar di sebelah baratnya telah dilapangkan dan kerja-kerja melonggokkan sampah telah pun beroperasi di situ semenjak tahun 1993.

Antara program yang telah dibuat oleh SWCorp Melaka ialah seperti Kempen "*Value Food No Waste dan Taklimat Pengkomposan Sisa Makanan Kaedah Takakura*" di Sekolah Men. Keb. Pernu (25.07.2018) dan Sekolah Men. Keb. Durian Tunggal (28.06.2018), serta "*Taklimat Amalan 3R dan Pengasingan Sisa Di Punca (SAS)*" di Sekolah Jenis Keb. Tamil Jasin (04.07.2018).

7.3.3 PROGRAM PBT, 3R

Program Kutipan Sisa Kitar Semula 2 + 1

- Pengenalan 2 + 1 sistem pengurusan sistem pungutan sampah berjadual 3 kali seminggu.
- Diperkenalkan pada September 2013 oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dan Southern Waste Management (SWM).
- Sistem 2 +1 bermakna sisa organik akan dikutip dua kali seminggu
- Bahan kitar semula seperti bekas plastik, tin aluminium, kertas serta sisa kebun dan sampah pukal akan dikutip satu kali seminggu.

Selain itu, Jabatan Kebersihan dan Kesihatan, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) telah melaksanakan Program Kitar Semula Sektor Perniagaan dengan mendapat kerjasama daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPA).

Pada setiap hari Jumaat setiap minggu MPAG akan membuat pungutan barang-barang kitar semula dan membeli barang-barang kitar semula seperti kotak, botol, tin dan sebagainya dari peniaga dengan mengikut kadar harga semasa.

7.3.4 PROGRAM PENGGUNAAN BEG PLASTIK BIODEGRADASI

APA ITU BIODEGRADASI ?

Biodegradasi adalah proses dimana bahan organik yang dirobohkan oleh enzim dihasilkan oleh organisme hidup. Istilah yang sering digunakan dalam kaitannya dengan ekologi, pengelolaan sampah dan lingkungan proses pengobatan (bioremediation).

BIODEGRADASI

DAPAT MENYELESAIKAN 2 MASALAH UTAMA

1. DAPAT MENGURANGKAN MASALAH KESIHATAN

Dengan menggunakan produk Biodegradasi ini kita dapat mengurangkan kadar peratusan dan dapat mengelakkan kita daripada penyakit berbahaya seperti kanser

2 . DAPAT MENGURANGKAN MASALAH PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Dengan biodegradasi ini dapat mengurangkan sisa pepejal dan bahan yang organik senang dilupus dan juga dapat membantu mengurangkan pencemaran serta memelihara alam sekitar

Apakah Produk BIODEGRADASI ?

Mudah kompos (jadi baja)

Sumber bahan kitar semula

Sumber tumbuhan

Teknologi hijau

Aditif Organik/PLA + Resin

Semua Jenis Produk Berasaskan Tumbuhan ECO 009:2016

Jagung + Ubi Kayu

Tebu

Daun Palma

Kertas Gred Makanan

Tempoh biodegradasi adalah boleh dilaraskan dan bergantung kepada haba, kelembapan dan aktiviti organisma dalam tanah.

Tempoh biodegradasi : Sekitar 3 bulan sehingga 5 tahun.

7.3.5 PROGRAM BANDAR HIJAU

Negeri Melaka terus diiktiraf sebagai peneraju kepada model Bandar Hijau di peringkat antarabangsa, berikutan amalan teknologi dan kemudahan bercirikan teknologi hijau yang dilaksanakannya.

Kerajaan Negeri Melaka telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau Malaysia Melaka pada 16 Mei 2011 bagi merealisasikan visi Melaka Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020.

Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) menjadi antara agensi kerajaan negeri yang bertanggungjawab memperkenalkan Melaka sebagai negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan kempen teknologi hijau.

Peranan & Fungsi

- Sebagai badan penyelaras tertinggi untuk memastikan program dilaksanakan dengan efektif dan jayanya.
- Membentuk polisi, dasar, matlamat dan strategi serta indeks prestasi utama ke arah Melaka Negeri Bandar Teknologi Hijau.
- Menetapkan garis panduan dan halatuju pembangunan negeri bandar teknologi hijau di Negeri Melaka.
- Melaksana program teknologi hijau mengikut rangka dan strategi yang telah ditetapkan.
- Merancang dan memantau pembangunan teknologi hijau di Negeri Melaka.

Selain itu, MBMB juga turut berperanan dalam menjadikan Melaka sebagai Bandar Hijau seperti menambahkan jumlah taman - taman rekreasi di dalam bandar serta mempelbagaikan jenis landskap kejur di kawasan bandaran.

PROGRAM BERJALAN 10 RIBU LANGKAH

7.3.6 GAYA HIDUP SIHAT DAN HIJAU

- Program 10,000 Langkah

YAB Tuan Adly bin Zahari (dua dari kiri) bersama ketua jabatan serta kakitangan kerajaan negeri mengusuri persisiran Sungai Melaka ketika menyertai Program 10,000 Langkah bersama Ketua Menteri yang bermula di Taman Rempah.

Program 'Berjalan 10,000 Langkah' sebagai antara penyumbang dalam usaha menggalakkan masyarakat menjadi lebih aktif.

Negeri Melaka telah menambah satu lagi inisiatif hijau dengan meluluskan kertas cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 25 Mac 2015 mengenai Cadangan Pelaksanaan Program Menghentikan Penggunaan Bekas Polisterin di Seluruh Negeri Melaka. Program Melaka Tanpa Polisterin telah bermula pada 1 September 2015 di seluruh Negeri Melaka.

7.3.7 PROGRAM MELAKA TANPA BEG PLASTIK DAN POLISTERIN

Beberapa bengkel dan mesyuarat telah dijalankan bagi membincangkan pelaksanaan program *Melaka Tanpa Beg Plastik Dan Polisterin* serta tugas dan peranan jabatan yang terlibat dalam memastikan kejayaan program tersebut. Bengkel dan mesyuarat yang diadakan melibatkan penyertaan daripada pasaraya, penjaja, kedai runcit, pembekal barangan biodegradasi serta agensi kerajaan yang terlibat.

Lanjutan daripada itu, program *Melaka Tanpa Beg Plastik dan Polisterin* dilaksanakan di seluruh Negeri Melaka berkuatkuasa 1 Januari 2016 pada setiap hari. Sebagai alternatif, kerajaan negeri menggalakkan penggunaan secara meluas produk biodegradasi sebagai bahan pengganti kepada beg plastik dan polisterin. Produk biodegradasi merupakan produk yang mudah kompos dan mesra alam. Produk ini juga menggunakan sumber dari bahan yang boleh diperbaharui seperti sumber dari tumbuhan seperti jagung, ubi kayu, tebu, kelapa sawit dan sebagainya. Penggunaan produk biodegradasi ini boleh mengurangkan jumlah sisa pelupusan sampah dan menjimatkan kawasan tapak pelupusan

Program Melaka Tanpa Beg Plastik Dan Polisterin ni bertujuan untuk memupuk kesedaran kepada pengguna dari segenap usia akan bahaya penggunaan beg plastik dan polisterin kepada manusia dan alam sekitar seiring dengan visi Melaka Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020. Semua pihak perlu bekerjasama memainkan peranan dalam memastikan kejayaan program tersebut. Marilah bersama menyokong usaha kerajaan negeri Melaka dalam meningkatkan kualiti alam sekitar kita.

7.3.8 ANUGERAH HIJAU MELAKA

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) merakamkan setinggi tahniah dan syabas kepada warga kerja Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) diatas kejayaan mengungguli Anugerah Hijau Negeri Melaka 2017 (Johan Kategori IPT).

Majlis Malam Anugerah Hijau Negeri Melaka 2017 merupakan sebuah program yang dilaksanakan oleh PTHM dalam mengiktiraf agensi / jabatan kerajaan, sekolah, institut pengajian tinggi dan PBT negeri yang menjadikan amalan hijau, projek dan inovasi hijau sebagai indikator dalam operasi dan sekali gus turut menyahut seruan Kerajaan Negeri Melaka sebagai sebuah Bandar Teknologi Hijau.

YBhg. Lt. Kol. Prof. Datuk Dr. Faridah Hanam bt Mohd Rashid, Naib Canselor UCAM bersama-sama Jawatankuasa Lestari UCAM hadir menerima anugerah tersebut.

7.4 MENGUATKAN DAYATAHAN BANDAR MENGURANGKAN RISIKO DAN KESAN BENCANA

7.4.1 RINGKASAN DAYATAHAN BANDAR

Bandaraya Melaka terpilih menyertai *100 Resilient Cities* (100 bandar berdaya tahan) untuk membina bandar mampan dalam menangani cabaran yang semakin meningkat terutama perubahan cuaca. Penyertaan itu sekali gus menjadikan Melaka sebagai satu-satunya negeri di negara ini tersenarai antara 100 bandar di seluruh dunia sebagai perintis dalam perlaksanaan objektif daya tahan bandar.

Kriteria pemilihan membabitkan pelbagai faktor antaranya aktif menerajui perubahan cuaca, amalan dasar hijau atau menjaga alam sekitar dan pengurangan penggunaan tenaga. Kerajaan Melaka berada dalam 37 senarai akhir daripada 100 bandar di seluruh dunia yang menerima sokongan sumber dan teknikal bagi membangun dan melaksanakan strategi bandar berdaya tahan.



7.4.2 PROGRAM PBT (MBMB)

Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) terus mengorak langkah ke depan apabila bandaraya Melaka tersenarai antara satu daripada 100 bandar berdaya tahan di seluruh dunia.

Pemilihan dilakukan oleh Yayasan Rockefeller itu memberi peluang kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan memikul cabaran sebagai sebuah negeri berdaya tahan.

Melaka menyertai 67 bandar lain di dunia menjadi perintis dalam pelaksanaan objektif daya tahan bandar. Pemilihan MBMB bukan sahaja memberi penghormatan kepada Melaka, malah sebagai dorongan menjadi sebuah bandar yang lebih baik untuk generasi akan datang.

Negeri ini layak menerima dana bagi melantik Ketua Pegawai Daya Tahan dan menerima bantuan kepakaran teknikal, pembangunan kapasiti dalam melaksanakan strategi ketahanan bandar yang ditaja Yayasan Rockefeller Foundation berpangkalan di New York.

KEINDAHAN Sungai Melaka antara yang menjadi tarikan buat negeri ini dalam menarik sejumlah besar pelancong dari dalam dan luar negara.

JONKER Walk juga merupakan antara lokasi pelancongan yang sering kali menjadi buah mulut para pelancong.

Rockfeller Foundation beri peluang MBMB pikul cabaran

Bandaraya Melaka tersenarai *100 Resilient Cities*

Oleh RAFIDAH SA'ARI

AYER KEROH 13 April - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mengorak langkah ke hadapan apabila Bandaraya Melaka tersenarai salah sebuah *100 Resilient Cities* di seluruh dunia, sekali gus meyakinkan masyarakat terhadap usaha menyejahterakan Bandaraya Melaka.

Setiausaha MBMB, Sheikh Nasir Sheikh Salim berkata, pemilihan oleh *Rockfeller Foundation* ini memberi peluang kepada MBMB memikul cabaran sebagai sebuah negeri berdaya tahan.

Menurutnya, sebanyak 100 bandar berdaya tahan terpilih membantu bandar-bandar seluruh dunia bagi membina daya tahan bandar terhadap cabaran yang semakin meningkat pada abad ke-21.

"Antara bandar-bandar yang terpilih adalah Cape Town, Afrika Selatan; Jakarta, Indonesia; Seoul, Korea Selatan; Toronto, Kanada dan 33 bandar lain termasuk Bandaraya Melaka dalam kohort terakhir pemilihan *100 Resilient Cities*," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

Katanya, Bandaraya Melaka menyertai 67 bandar, selain di dunia ini menjadi perintis dalam pelaksanaan objektif daya tahan bandar.

Ujarnya, isnya di mana ahli baharu akan menyertai kumpulan antarabangsa yang bergerak secara aktif bagi mengatasi cabaran akan datang.

Jelasnya, Bandaraya Melaka Bersejarah (BMB), bandar raya pertama dan satu-satunya bandar raya di Malaysia yang terpilih menyertai rangkaian ini.

"Pada tahun ini, Bandaraya Melaka dipilih dalam kalangan 325 penyertaan dari 80 buah negara berdasarkan kesediaan, kebolehan dan keperluan untuk menjadi sebuah bandar berdaya tahan serta sebahagian dari komuniti global bagi membina kemapanan bandar.

"Pemilihan bandar raya bersejarah ini bukan saja memberi penghormatan kepada Melaka, malah sebagai dorongan menjadi sebuah bandar yang lebih baik untuk generasi yang akan datang," katanya lagi.

Menurut Sheikh Nasir, dalam usaha ini, Melaka sentiasa bergiat aktif dalam mencari jalan penyelesaian dan langkah menangani sebarang isu dan permasalahan yang timbul.

Menurutnya, ia secara tidak langsung meyakinkan pengunjung yang datang ke negeri bersejarah ini.

"Melaka layak menerima dana bagi melantik Ketua Pegawai Daya Tahan yang berperanan membantu bagi proses membina daya tahan bandar, sekali gus menjadikan Melaka sebuah negeri yang selesa dikunjungi termasuk kumpulan pelabur asing.

"Bandaraya Melaka juga akan menerima bantuan kepakaran teknikal, pembangunan kapasiti dalam melaksanakan strategi ketahanan bandar ditaja oleh *Rockefeller Foundation* yang berpangkalan di New York, USA dalam usaha daya tahan bandar," katanya.

BANGUNAN Stadthuys antara lokasi popular di kalangan para pelancong.

PEMILIHAN Bandaraya Melaka bukan saja memberi penghormatan kepada negeri ini, malah sebagai dorongan menjadi sebuah bandar yang lebih baik untuk generasi yang akan datang.

7.5 MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DENGAN MENGURANGKAN PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU

7.5.1 '*Green City Actions Plan*' (GCAP) Melaka

Green City Action Plan (GCAP) disediakan bagi meningkatkan perancangan untuk pembangunan hijau di Negeri Melaka. GCAP mengandungi 6 aspek utama iaitu pengurusan air, kecekapan tenaga dan tenaga yang boleh diperbaharui, pengangkutan hijau, sifar sisa, perhutanan bandar dan pertanian serta warisan budaya dan pelancongan.

Bandar Hijau Hang Tuah Jaya merupakan salah satu projek yang dikenal pasti di dalam GCAP. Usaha mewujudkan pembangunan bandar hijau yang mampan. Setiap pembangunan dan bangunan yang dibina perlu mematuhi '*building rating certifications*' seperti *GBI*, *LEED*, *Green Star*, *Green Mark* dan *Melaka Green Steel*.

Antara projek - projek utama di dalam Bandar Hijau Hang Tuah Jaya :

- Pusat Rehabilitasi Perkeso
- Ladang Solar 8MW
- Rumah Citra Pontian
- Green Restaurant



7.5.2 Program PTHM (Kenderaan Bersih GHG)

Umum tahu antara punca utama kepada pencemaran alam sekitar adalah disebabkan oleh kesan gas rumah hijau (GHG) dan salah satu penyumbang pencemaran adalah daripada asap kenderaan.

Justeru, pelbagai mekanisme bagi mengurangkan masalah pencemaran khususnya pembebasan gas hidrokarbon telah dilaksanakan oleh pihak PTHM.

Melaka jadi contoh teknologi hijau

Cabaran PTHM didik masyarakat jadikan amalan hijau budaya hidup

KAMARUDIN MD SHAH (enam dari kanan) bersama kakitangan di pejabat Perbadanan Teknologi Hijau, MITC Ayer Keroh, Melaka, baru-baru ini.

PTHM turut menghasilkan makalah pengunaan karbon rendah di Melaka yang menjadi rujukan dalam melaksanakan amalan ini serta mempunyai data mengenai status negeri Melaka dalam pengunaan karbon dioksida

Sebagai contoh, dalam makalah tersebut, berdasarkan kepada statistik tahun 2013, Melaka menghasilkan pengeluaran sejumlah 1.6 juta tan karbon dioksida dan 50 peratus daripadanya adalah daripada kenderaan.

Melaka adalah negeri pertama yang melaksanakan penggunaan bas elektrik di kawasan bandar demi memelihara kebersihan persekitaran daripada pencemaran.

7.5.3 Program *SMOKE FREE MELAKA*

Program 'Melaka Bebas Asap Rokok' merupakan satu usaha 'mewujudkan lokaliti keseluruhan atau sebahagian bandar atau bandaraya sebagai kawasan bebas asap rokok'.

Ia bertujuan utk melindungi orang awam daripada ancaman pendedahan kepada asap rokok bagi yg membahayakan kesihatan.

Di Dalam Bangunan

Lokasi....
Bandar Warisan Dunia seluas 4.2km dan Melaka Raya di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.
Kawasan MITC di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
Pusat Bandar Alor Gajah di Majlis Perbandaran Alor Gajah.
Pusat Bandar Jasin di Majlis Perbandaran Jasin.
Kawasan Larangan Merokok.
Dalam Bangunan : tempat kerja, muzium, hotel, premis perniagaan, kedai makan..

Luar Bangunan : tapak warisan sejarah, taman permainan dan taman rekreasi, Jonker Walk, sepanjang jalan :-

- Di tempat kerja.
- Di mana-mana muzium dan tempat antikuiti.
- Di dalam mana-mana hotel.
- Di dalam mana-mana premis perniagaan.
- Di pasar awam.
- Di mana-mana tempat makan (Kedai Makan / Gerai Makan / Pusat Penjaja).
- Di mana-mana kaunter perkhidmatan.

Di Luar Bangunan

- Tapak Warisan Sejarah dan Warisan Budaya.
- Taman Permainan Kanak-kanak dan Taman Rekreasi.
- Sepanjang Zon Ekslusif Jonker Walk.
- Sepanjang Zon Ekslusif Jalan Kota.

7.5.4 Program *MELAKA CAR FREE ZONE*

***CAR FREE ZONE* ;**

Sabtu minggu pertama dan ketiga setiap minggu.

MASA TUTUP UNTUK KENDERAAN ;

7.00 pagi – 9.00 pagi.

4 LOKASI CADANGAN ;

Aktiviti; Jogging, Walking, Cycling, Senaman.

Objektif

- Mengurangkan pembebasan karbon dan penggunaan kereta.
- Menggalakkan aktiviti berbasikal dan berjalan kaki.
- Menjana aktiviti Bandar.

Lot - Lot Terlibat

- Durian Tunggal.
- Bandar 0I0.
- Bandar MITC.
- Bandar Hijau.

Komponen Pembangunan

- Aktiviti berbasikal, senaman, jogging dan berjalan kaki.

Agensi Pelaksana

- MBMB.
- MPHTJ.

Fasa Pelaksana

- Fasa 1 2018 - 2021.

7.5.5 Program Berbasikal PBT

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menganjurkan program Himpunan Berbasikal 1Malaysia sempena sambutan ulang tahun ke-15 Melaka Bandar Raya Bersejarah, yang menarik minat sebanyak 10,000 peserta di Kota A'Famosa Banda Hilir pada 25 Mac 2018.

Program ini bertujuan mendidik masyarakat tentang keselamatan berbasikal selain mengadakan aktiviti beriadah secara besar-besaran.

MBMB melancarkan pasukan berbasikal 'MBMB Riders' dalam kalangan kakitangan serta ahli keluarga agensi itu bagi menyahut seruan kerajaan negeri ke arah melaksanakan dasar teknologi hijau.

Menerusi penubuhan pasukan itu sejak 21 Oktober 2016, kesemua 40 ahli yang menyertainya dapat mendekatkan diri dengan masyarakat selain melaksanakan tugas-tugas membantu penduduk.

Objektif

- Menggalakkan penggunaan basikal sebagai salah satu mod pengangkutan.
- Pembebasan karbon yang sifar.
- Mewujudkan aktiviti riadah yang sihat kepada penduduk.
- Merealisasikan dasar teknologi hijau.

7.6 MELAKA PRIHATIN

7.6.1 BANJIR

Melaka lulus peruntukan RM151,000 kepada mangsa banjir

21 NOVEMBER 2018

Facebook | Twitter | WhatsApp | Email | More

Adly Zahari

A- A+ (Ubah saiz teks)

MELAKA TENGAH - Kerajaan Melaka hari ini meluluskan peruntukan berjumlah RM151,000 untuk 302 keluarga yang terjejas akibat banjir di daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah.

RM720,000 untuk selesaikan masalah banjir di Melaka Baru

KERK CHEE YEE bersama Zulkifly (kiri) dan Ismail memegang pelan menaik taraf longkang di kawasan Melaka Baru di Ibu Pejabat JKR Melaka hari ini. - UTUSAN ONLINE / HARITH NIZAR

Harith Nizar
11 Oktober 2018 1:25 PM

MELAKA 11 Okt. - Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM720,000 bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan Melaka Baru yang didapati telah berlarutan lebih daripada 10 tahun.

Melaka aktifkan jentera bantuan banjir

Share | Tweet | Share

MyMetro › Mutakhir

KEADAAN kawasan perumahan yang dilanda banjir di Kampung Bukit Balai, Durian Tunggal. FOTO Rasul Azli Samad

BERNAMA

KERAJAAN negeri Melaka telah mengaktifkan jentera bantuan banjir bagi menyelaras dan memantau bencana berkenaan yang melanda beberapa kawasan di negeri ini terutama di Durian Tunggal di Alor Gajah dan Tehel di Jasin.

Mutakhir

- Persediaan banjir untuk

119 keluarga terima bantuan banjir Kerajaan Melaka

Oleh MALAYSIA DATELINE December 1, 2018 6:56 pm

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Melaka, Mohd Sofi Abdul Wahab (**gambar atas**) berkata,119 keluarga telah menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri Melaka atas musibah banjir pada minggu

7.6.2 RIBUT

79 mangsa ribut terima bantuan

Oleh Nur Saliawati Salberi
nursaliawati@nstp.com.my

Share Tweet Share

JASIN: Nasib 79 mangsa ribut di Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam, di sini, terbela apabila sejumlah RM39,000 peruntukan disalurkan menerusi Tabung Bantuan Bencana bagi membantu mereka.

Pegawai Daerah Jasin, Zamrud Yahya, berkata peruntukan kepada mangsa di Kampung Tedong Pantai, Serkam, di sini, itu diberikan kerajaan negeri merangkumi bantuan segera serta kewangan.

28 mangsa ribut Telok Mas terima bantuan

Latiff Tamby Chik (tengah) menyerahkan bantuan berupa cek kepada mangsa ribut, Kamariah Mohamad di Melaka, baru-baru ini.

MELAKA 29 April - Nasib malang yang menimpa 28 keluarga di beberapa kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Mas yang dilanda ribut pada 14 April lalu lega apabila menerima sumbangan daripada Tabung Bencana Alam Daerah Melaka Tengah.

Kerajaan Melaka baiki rumah mangsa ribut di Merlimau

Berita Harian 30 Dec 2016 +2 more

Jasin: Nasib mangsa ribut yang membabitkan 18 rumah dan dua gerai makan di Kampung Lipat Kajang, Merlimau, di sini, Jumaat minggu lalu, mendapat perhatian daripada kerajaan negeri.

Pegawai Daerah Jasin, Zamrud Yahya, berkata kerajaan menerusi Tabung Bencana Daerah menanggung sepenuhnya kos membaik pulih semua rumah kediaman itu, manakala kerja membaik pulih dua gerai milik penduduk yang turut rosak dipukul ribut pula dibantu melalui peruntukan Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Parlimen Jasin.

"Kerja membaiki kerosakan kediaman itu sudah selesai dilaksanakan dan kami berterima kasih kepada pihak yang membantu dalam urusan ini, termasuk Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan

Rumah penduduk Kampung Lipat Kajang di Merlimau, rosak teruk dilanda ribut, minggu lalu.

7.6.3 HARI BERTEMU RAKYAT

Peluang rakyat bertemu Ketua Menteri setiap Jumaat di Seri Bendahara dan Hari Bertemu Rakyat Perdana diadakan setiap 3 bulan yang melibatkan Ketua Menteri, EXCO, dan agensi kerajaan.

7.6.4 MUDAHKAN PENERIMA BANTUAN JKM

Bantuan kebajikan disalurkan terus ke dalam akaun bank penerima bantuan berbanding sebelum ini yang dibayar secara tunai di Japerun.

7.6.5 PELAJAR TIMUR TENGAH

Pelajar yang menyambung pengajian di Timur Tengah disediakan pinjaman dan dermasiswa.

7.7 MENGGALAKKAN RUANG AWAM YANG SELAMAT

7.7.1 KAWASAN REKREASI YANG MESRA PENGGUNA DAN SELAMAT

A) Menyediakan kemudahan di dalam taman yang mengambilkira kegunaan dan keperluan semua golongan masyarakat.

B) Menyediakan sistem eksesibiliti yang berkesan supaya pengguna dapat mengunjungi taman rekreasi melalui jalan yang selesa dan selamat.

C) Menekankan aspek keselamatan kepada pengguna terutamanya kanak-kanak seperti menyempitkan jalanraya berdekatan atau ditambah bonggol dalam memastikan kenderaan yang lalu tidak dipandu dengan laju dan akan lebih berhati-hati.

D) Menyediakan tempat meletak kenderaan yang cukup dan berkelompok bagi mengelakkan kes-kes kecurian.

E) Membina rekabentuk dan susunan peralatan permainan yang selamat seperti jenis alatan permainan dan jarak nampakan yang jelas untuk membolehkan pemerhatian ibu bapa ka atas kanak-kanak di taman permainan.

F) Menyediakan kemudahan yang mencukupi.

G) Memastikan keseluruhan ruang di dalam tapak cadangan diguna dengan sebaiknya.

H) Meningkatkan tahap keselamatan kepada pengguna.

I) Mewujudkan komuniti masyarakat yang mampu mewujudkan interaksi sosial yang positif.

HUTAN REKREASI AYER KEROH

PANTAI PUTERI

LOT - LOT TERLIBAT

LALUAN BASIKAL
Fasa 1
> Ayer Keroh - Durian Tunggal (4.0km) > Sekitar MITC (6.5km)
Fasa 2
> Bandar Hijau (10.5km) > Bandar IOI (4.60km)

LALUAN 'BIKE EXPRESSWAY'
Fasa 1
> MITC - Ayer Bemban (8.7km)
Fasa 2
> UTEM - Lebuh SPA (7.5km) > Ayer Keroh - MITC (4.7km) > MITC - Ayer Bemban (8.7km)

Cadangan meliputi laluan basikal dan laluan *bike expressway* yang tertumpu di laluan utama. Bagi menyokong aktiviti basikal ini, kemudahan - kemudahan sokongan turut disediakan termasuk tempat letak basikal, kemudahan sewa basikal dan papan tanda.

Keluasan

- Laluan Basikal (25.6km)
- Laluan 'Bike Expressway' (20.9km)

Komponen Pembangunan

- Laluan Basikal dan Pejalan Kaki
- Papan Tanda
- Kemudahan Tempat Letak Basikal
- Kemudahan Sewa Basikal

Di Hadapan Pangsapuri Seri Siantan. Bukit Baru

7.7.2 KEMUDAHAN RUANG PEJALAN KAKI DAN BASIKAL

Agensi Pelaksana

- Swasta
- MPHTJ

Fasa Pelaksana

- Fasa 1 (2018 - 2021)
- Fasa 2 (2022—2025)

7.7.3 *'CRIME PREVENTION THROUGH ENVIRONMENTAL DESIGN'* (CPTED)

⇒ **KONSEP CPTED**

- Reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan.

⇒ **PENGAPLIKASIAN KONSEP CPTED**

Konsep CPTED telah diguna pakai dalam perancangan bandar-bandar di luar negara seperti New York, Glasgow, Adelaide, Melbourne, Seoul, Singapura dan lain-lain. Kajian membuktikan CPTED berkesan dalam mengurangkan kadar jenayah seperti berikut :

- Pengurangan kerugian ke atas peniaga runcit sebanyak 50% bagi jenayah kecurian dan
- Pengurangan yang mendadak ke atas penjualan dadah, jenayah pecah rumah dan lain-lain.
- Mengurangkan jenayah pencabulan di kalangan pelajar sekolah.
- Menjimatkan kos dan sumber melalui reka bentuk secara efisien dengan melaksanakan strategi semulajadi berbanding dengan strategi pengurusan dan mekanikal.
- Meningkatkan faedah, produktiviti dan kualiti hidup komuniti.

**Sumber: Sinclair Knight Merz, Nusajaya Security Training 2008.*

7.7.4 PROGRAM BANDAR SELAMAT

Terdapat 4 matlamat utama untuk mewujudkan Bandar Selamat :

- Bandar yang bebas dari keganasan (*violence*) merosakkan harta benda dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya;
- Bandar yang bebas dari kemusnahan dan malapetaka ekoran bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh;
- Bandar yang bebas dari kemerosotan sosial dan moral (*social and moral decay*) seperti penagihan dadah, kecurian, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, hilang integriti dan sebagainya; dan
- Bandar yang bebas dari kemalangan dalam dan luar bangunan seperti kemalangan jalan raya, jatuh dari bangunan, kebakaran dan sebagainya.

	Pencahayaan		Cermin keselamatan
	Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor		Kamera Litar Tertutup (CCTV)
	Penggera keselamatan		Pemetaan GIS jenayah

Pelaksananaan **enam (6)** langkah segera Program Bandar Selamat adalah bertumpu kepada pengurangan jenayah jalanan yang dilaporkan seperti yang berikut :

i. Samun berkawan tanpa senjata api.
ii. Samun tanpa senjata api.
iii. Curi ragut.

7.7.5 INDEKS MURNINET

Melibatkan 27 indikator untuk tindakan penyediaan data oleh PBT dan 16 indikator adalah untuk tindakan oleh Pusat Operasi MURNInets Negeri (POMN)/ PLANMalaysia@Negeri.

Objektif MURNInets 2.0 adalah seperti berikut :

1. Menilai tahap pencapaian kemampanan bandar-luar bandar.
2. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap PBT mengikut penunjuk yang telah dikenalpasti.
3. Mencadangkan peluang dan potensi penambahbaikan untuk meningkatkan tahap kemampanan sesebuah bandar-luar bandar.
4. Pemantauan pelaksanaan pelan tindakan yang telah dikenal pasti.

Penambahbaikan MURNInets adalah seperti berikut :

Menambahbaik Sasaran Piawai, Skor Dan Formula Bagi Setiap Penunjuk Bandar Untuk Memperkukuhkan Setiap Data Penunjuk Yang Digunakan Bersesuaian Dengan Hierarki PBT Yang Melibatkan **6 Dimensi, 22 Tema Dan 43 Penunjuk**

Perubahan daripada 36 penunjuk kepada **43 penunjuk** yang melibatkaan pengguguran 6 penunjuk sedia ada dan pertambahan **13 penunjuk baru** selaras dengan dasar-dasar di peringkat Nasional

Menambahbaik soal selidik berkaitan Indeks Kebahagian dan Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT supaya ianya relevan dengan keadaan semasa

Mengukuhkan keadah dapatan data secara proaktif (pemudahcara) dengan agensi pembekal melalui POMN (melibatkan 16 penunjuk) dan dapatan data daripada PBT (melibatkan 27 penunjuk)

Sehingga tahun 2016, keempat - empat PBT di dalam negeri Melaka telah mencapai status mampan.



Penghargaan dan Terima Kasih

◊ PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka) ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka, semua pegawai, kakitangan PLANMalaysia@Melaka serta mana - mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan penerbitan Monograf ini.

PLANMalaysia @ Melaka

Perancangan Melangkaui Kelaziman | *Planning : Beyond Conventional*

http://www.jpbdmelaka.gov.my

Tahun Terbitan : 2018

MONOGRAF 2018

AGENDA PERBANDARAN BAHARU